



LAPORAN TAHUNAN 2018

PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

**MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
KALI KE-23**

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-23

Tarikh	:	22 Mei 2018 (Selasa)																		
Masa	:	10.45 pagi – 12.00 tengahari																		
Tempat	:	Hotel Vistana, Kuala Lumpur																		
Kehadiran	:	<table><tr><td>YBhg. Datuk Radzali Hassan</td><td><i>Pengerusi</i></td></tr><tr><td>En. Izham Hakimi Dato' Hamdi</td><td><i>Naib Pengerusi</i></td></tr><tr><td>En. Mohamad Shukri Salleh</td><td><i>Setiausaha Agung</i></td></tr><tr><td>YBhg. Dr. Mokhrazinim Mokhtar</td><td><i>Bendahari</i></td></tr><tr><td>En. Khairuddin Yahya</td><td><i>Ahli Jawatankuasa Utama</i></td></tr><tr><td>En. Kevan Ong Kin Wye</td><td><i>Ahli Jawatankuasa Utama</i></td></tr><tr><td>En. Neo Eng Kee</td><td><i>Ahli Jawatankuasa Utama</i></td></tr><tr><td>En. Sam Siew Pak Kheong</td><td><i>Ahli Jawatankuasa Utama</i></td></tr><tr><td>En. Shamsuddin Amir</td><td><i>Ahli Jawatankuasa Utama</i></td></tr></table>	YBhg. Datuk Radzali Hassan	<i>Pengerusi</i>	En. Izham Hakimi Dato' Hamdi	<i>Naib Pengerusi</i>	En. Mohamad Shukri Salleh	<i>Setiausaha Agung</i>	YBhg. Dr. Mokhrazinim Mokhtar	<i>Bendahari</i>	En. Khairuddin Yahya	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>	En. Kevan Ong Kin Wye	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>	En. Neo Eng Kee	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>	En. Sam Siew Pak Kheong	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>	En. Shamsuddin Amir	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
YBhg. Datuk Radzali Hassan	<i>Pengerusi</i>																			
En. Izham Hakimi Dato' Hamdi	<i>Naib Pengerusi</i>																			
En. Mohamad Shukri Salleh	<i>Setiausaha Agung</i>																			
YBhg. Dr. Mokhrazinim Mokhtar	<i>Bendahari</i>																			
En. Khairuddin Yahya	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>																			
En. Kevan Ong Kin Wye	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>																			
En. Neo Eng Kee	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>																			
En. Sam Siew Pak Kheong	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>																			
En. Shamsuddin Amir	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>																			

40 perwakilan Ahli Biasa, 6 perwakilan Ahli Bersekutu, 8 pemerhati. (Sila rujuk lampiran)

Tidak Hadir dengan notis	:	YBhg. Dato Zahriah Abd Kadir	<i>Penolong Setiausaha</i>
		En. Rozaiman Che Kar	<i>Penolong Setiausaha</i>
		En. Amran Shah Idris	<i>Penolong Bendahari</i>
		En. Deric Yeo Chin Yee	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
		Prof Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
		YBhg. Dato' IR Rohaizi Mohd Jusoh	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>
		En. Sri Ganesh . Bala Subramaniam	<i>Ahli Jawatankuasa Utama</i>

Pengerusi : YBhg. Datuk Radzali Hassan

1.1 UCAPAN ALU-ALUAN PENGERUSI

- 1.2 YBhg Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke – 23.
- 1.3 En. Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung memaklumkan bahawa korum mesyuarat adalah mencukupi berdasarkan Fasal 8 (1) Undang-undang Tubuh Persatuan bagi melaksanakan Mesyuarat Agung.

2.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE – 22

YBhg. Datuk Radzali Hassan selaku Pengerusi mesyuarat telah meminta Ahli yang hadir untuk mencadang dan mengesahkan minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-22.

En. Neo Eng Kee dari Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners mencadangkan agar Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-22 diterima dan disokong oleh Pn. Premita Dhaliwal dari Gerbang Alaf Restaurant Sdn Bhd.

3.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEMAJUAN TAHUNAN 2018

- 3.1 En Mohamad Shukri Salleh selaku Setiausaha Agung Persatuan telah membentangkan Laporan Kemajuan MFA bagi tahun 2017 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:
 - 3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA Franchise Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada 5 September 2016 akan menjana pendapatan yang lebih kukuh pada masa kan datang.
 - 3.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat 15 ahli baru pada 31 Disember 2017 dan menerima 9 permohonan bagi menamatkan keahlian MFA atas faktor tidak lagi aktif dalam industri francais. Antara aktiviti keahlian yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2017 adalah dengan menyebarkan maklumat dan mempromosikan aktiviti MFA dan ahli kepada umum dari semasa ke semasa, mengadakan 46 kunjungan ahli dan potensi ahli, mengadakan promosi di 3 siri jeryawara, melaksanakan 4 program Teh/ Coffee Tarik serta pemberian rebet dan diskaun kepada ahli yang layak.

- 3.4 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Program Franchise International Malaysia 2017 (FIM2017) telah diadakan pada 12-14 April 2017 di PWTC Kuala Lumpur. Program ini mempunyai 90 ruang pameran dengan 73 jenama dan telah dikunjungi oleh 8,071 pengunjung. Hasil daripada FIM2017 telah mencatatkan potensi transaksi jualan sebanyak RM373 juta.
- 3.5 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Program Malam Anugerah Francais 2017 telah diadakan pada 25 Oktober 2017 di Hotel Marriot Putrajaya, IOI Resort City dengan bertemakan *Red and Gold* berwarna Merah. Program ini telah dihadiri oleh 570 tetamu dan dirasmikan oleh YB Dato' Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
- 3.6 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah melaksanakan 8 program latihan francais di mana 4 Program Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF), 2 Program International Franchise Management Certification Course(IFM) dan 2 Program Grow Your Franchise Certification Course (GYF). Selain itu, MFA telah melaksanakan Taklimat Mingguan Francais pada setiap hari Khamis pada setiap minggu secara berterusan.
- 3.7 Mesyuarat dimaklumkan bahawa MFA telah melaksanakan program kerjasama dengan UPM dan Spire Consultation dalam penyelidikan profiling industry yang akan dilengkappkan pada Oktober 2018.
- 3.8 Mesyuarat dimaklumkan bahawa Program Pengukuhan Pembangunan Francais untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) telah diperkenalkan pada tahun 1998. Program ini bertujuan untuk menggalakkan perniagaan francais untuk menggembangkan perniagaan ke luar negara bagi membantu meningkatkan GDP negara. Kemudahan dan sokongan program EFDP ini hanya diberikan secara eksklusif kepada ahli MFA sahaja.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima Laporan Kemajuan Tahunan 2017 tersebut.

4.0 MEMBENTANG DAN MENERIMA LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2017

Dr. Mokhrazinim Mokhtar selaku Bendahari Agung telah membentangkan Laporan Kewangan Teraudit bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan antara perkara yang dinyatakan adalah seperti berikut:

- 4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pendapatan pada tahun 2017 mencatatkan peningkatan sebanyak 27% atau RM 658 ribu iaitu sebanyak RM 3.08 juta berbanding RM 2.49 juta pada tahun kewangan yang lepas. Sebahagian peningkatan pendapatan ini adalah terdiri daripada yuran EFDP program sebanyak RM 1.377 juta selain daripada acara Pameran Francais Antarbangsa (FIM) dan Malam Anugerah Francais (MAF). Manakala, perbelanjaan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 24% iaitu RM 3.24 juta berbanding RM 2.62 juta pada tahun kewangan yang lepas. Sebahagian perbelanjaan ini adalah untuk program kerjasama berkaitan dengan program EFDP seperti yang telah dimaklumkan.
- 4.2 Mesyuarat dimaklumkan pendapatan terbesar MFA adalah daripada program kerjasama dengan pihak Kementerian / agensi di mana penglibatan MFA sebagai badan pelaksana program. Program kerjasama ini telah menyumbang sebanyak 45% kepada pendapatan tahun semasa MFA berbanding 24% pada tahun kewangan yang lepas. Walaupun terdapat peningkatan pendapatan daripada program kerjasama tetapi terdapat penurunan pendapatan pada yuran keahlian dan bayaran proses 12%, yuran kursus dan seminar 2%, yuran pengurusan acara 5% dan pelbagai pendapatan 22% pada tahun 2017.
- 4.3 Mesyuarat dimaklumkan bahawa peningkatan pendapatan MFA dan peningkatan perbelanjaan pada tahun 2017 telah berjaya mengurangkan kerugian daripada RM 159 ribu pada tahun 2017 berbanding RM 199 ribu pada tahun 2016. Selain itu, sebahagian besar daripada pendapatan dan perbelanjaan adalah hasil daripada sumbangan agensi-agensi berkaitan.

Sehubungan itu, Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menerima Laporan Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2016 tersebut.

5.0 PEMILIHAN JURUAUDIT DALAMAN 2018/2020

- 5.1 Jawatankuasa telah menerima 2 pencalonan untuk mengisi kekosongan 2 jawatan juruaudit dalaman iaitu En. Ramzilan Abdul Rahman daripada Permodalan Kelantan Berhad dan En. Nurhasril Noordin daripada Murni Allianze Consult Sdn Bhd. Sehubungan itu, En Ramzilan Abdul Rahman telah menolak dan bercadang untuk mengekalkan juruaudit dalaman yang lama iaitu En. Amran Abd Hamid daripada Resepi Arena Sdn Bhd. Oleh itu, juruaudit dalaman yang telah dilantik ialah En Amran Abd Hamid dan En. Nurhasril Noordin.

6.0 MEMBINCANGKAN DAN MEMBENTANGKAN USUL

- 6.1 En Izham Hakimi Hamdi dari Naza Tutti Fruti (M) Sdn Bhd mengusulkan agar melantik YBhg Datuk Wira Mohd Latip Sarrugi sebagai Penasihat MFA. Sehubungan itu, Mesyuarat telah sebulat suara menerima cadangan usul tersebut.

7.0 HAL-HAL LAIN

- 7.1 Mesyuarat mengambil maklum IPM Engineering Sdn Bhd menawarkan perkhidmatan *engineering design* kepada ahli MFA dengan harga yang berpatutan.

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

- 8.1 YBhg Datuk Radzali Hassan mengucapkan terima kasih di atas kehadiran dan komitmen yang diberikan oleh para ahli yang hadir. YBhg Datuk Pengerusi menyatakan bahawa MFA sentiasa mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada para ahli untuk kebaikan bersama. Terima kasih juga di atas pandangan dan cadangan yang diberikan untuk menambahbaik MFA pada masa hadapan.
- 8.2 YBhg Datuk Radzali Hassan juga meminta agar ahli MFA dapat menyebarkan tentang acara Pameran Fracnais Antarabangsa (FIM) pada tahun 2019.
- 8.3 En. Izham Hakimi Bin Dato' Hamdi menjelaskan bahawa MFA sentiasa mengadakan aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli di samping mempromosikan industri francais kepada orang awam. Selain itu, En. Izham Hakimi juga mengucapkan selamat datang kepada ahli baru.
- 8.4 YBhg Datuk Pengerusi telah menangguhkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-23 pada jam 12.00 tengahari dan sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih di atas sokongan yang diberikan oleh semua yang hadir.

Minit disediakan oleh:

.....
(FATIN NUR'ATIKAH ABD LATIP)

.....
(NABILA SYAFIFI ROSLAN)

Tarikh: 26 Jun 2018

Disahkan benar oleh:

.....
(DATUK RADZALI HASSAN)
Pengerusi

.....
(MOHAMAD SHUKRI SALLEH)
Setiausaha Agung

Tarikh: 26 Jun 2018

LAMPIRAN
**SENARAI KEHADIRAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA KE-23**
AHLI BIASA - FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO. AHLI
1	Asam Pedas Premier Sdn Bhd	En. Azmi Bin Ismail	OFO-0518-03-F&B
2	Celmonze Sdn Bhd	Cik Yee Yuen Siew	OFO-0418-04-BH
3	City Coin Laundry Sdn Bhd	En. Paul Ang	OFO-0617-01-SVC
4	Coolblog Desserts Sdn Bhd	En. Izam Shah	OFO-0217-03-F&B
5	Daekyo Malaysia Sdn Bhd	En. Reese Yeo	OFO-0711-04-EDU
6	Fama Corporation Sdn Bhd	En. Saiful Azrin Md. Yakob	OFO-0416-02-F&B
7	Focus Point Management Sdn Bhd	En. Yoo Chan Min	OFO-0702-03-RET
8	Food Discoveries (M) Sdn Bhd	En. Mohd Ikhwan Jamaluddin	OFO-0797-01-F&B
9	Genius Aulad International Group Sdn Bhd	En. Sharil	OFO-0911-03-EDU
10	Harta Maintenance Sdn Bhd	YBhg. Datuk Radzali Hassan	OFO-0303-01-SVC
11	IPM Engineering Sdn Bhd	En. Low Sin Wang	OFO-0917-01-SVC
12	Juice Works Sdn Bhd	Cik Jamy Foong	OFO-0418-03-F&B
13	Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd	Cik Nurezzati	OFO-0110-01-F&B
14	Kyros Intenrational Sdn Bhd	Pn. Eirnawaty	OFO-1000-02-F&B
15	Marrybrown Sdn Bhd	Pn. Ng Bee Leng	OFO-0795-04-F&B
16	Mediconstant Holdings Sdn Bhd	En. Mohamad Azli	OFO-0312-02-BH
17	Permodalan Kelantan Berhad	En. Ramilan Abdul Rahman	OFO-1214-02-SVC
18	Poney Garments Sdn Bhd	Cik Lau Wei Mun	OFO-0414-04-RET
19	Pusat Pakaian Hari-Hari Sdn Bhd	En. Amilludin Bin Latip	OFO-0418-01-CA
20	Rakyat Management Services Sdn Bhd	Dr. Mokhrazinim Mokhtar	OFO-1000-07-SVC
21	Resepi Arena Sdn Bhd	En. Amran Abd Hamid	OFO-0615-02-F&B
22	Revenue Valley Sdn Bhd	Cik Connie	OFO-0304-01-F&B
23	Smart Reader Worldwide Sdn Bhd	En. Kevan Ong	OFO-1000-04-EDU
24	Sunrider International (Malaysia) Sdn Bhd	En. Choong Kok Foong	OFO-0910-02-BH

AHLI BIASA - FRANCAISI INDUK

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd	En. Khairuddin Yahya	OMF-0797-04-BH
2	Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd	En. Hilmi Sulaiman	OMF-0797-05-F&B
3	Naza Tutti Fruitti (M) Sdn Bhd	En. Izham Hakimi Hamdi	OMF-0911-01-F&B
4	Wonderful Lifestyle Sdn Bhd	En. Imran	OMF-0608-11-F&B

AHLI BIASA – FRANCAISI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Koperasi Kakitangan Bank Rakyat Berhad	En. Ahmad Rozaman Bin Mohd Yusoff	OFE-0317-01-SVC
2	Koperasi News Straits Times Press (M) Berhad	En. Zulfakar Bin Wahib	OFE-0112-09-SVC
3	Koperasi Staf Cibd Malaysia Berhad	YBhg. Dato' Ir Rohaizi Bin Mohd Jusoh	OFE-0114-02-SVC
4	YTK Courier Express Enterprise	En. Terry Yeap	OFE-1201-03-SVC

AHLI BIASA - INSTITUSI SOKONGAN

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Franchise Channel (M) Sdn Bhd	En. Shukri Salleh	OSI-1204-04-CF
2	Franchise Technology @ Methods Sdn Bhd	En. Sam Siew Pak Kheong	OSI-0795-06-CON
3	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepengunaan.	En. Azlan Bin Abdul Samat.	
4	Manjit Singh Sachdev, Mohammad Radzi & Partners	En. Neoh Eng Kee	OSI-0498-08-LEG
5	Mohd Latip & Associates	YBhg. Datuk Mohd Latip Sarrugi	OSI-0795-18-LEG
6	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	En. Shamsudin Ami	OSI-0798-02-GOV

AHLI BERSEKUTU - BAKAL FRANCAISOR

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Deemcee Sdn Bhd	En. Jason Ng. Chia Hui	AFO-0418-02-EDU
2	Siam Street Cuisine Sdn Bhd	Pn. Maisarah Binti M.Mokhtar	AFO-0318-01-F&B
3	Asiawash Sales & Services Sdn Bhd	En. Ismail Bin Jusoh	AFO-0317-01-SVC

PEMERHATI

BIL	NAMA SYARIKAT	WAKIL	NO AHLI
1	Celmonze Sdn Bhd	Cik Kaw Pui Cheng	OFO-0418-04-BH
2	Gerbang Alaf Restaurants Sdn Bhd	Cik Premita	OMF-0797-05-F&B
3	Genius Aulad International Group Sdn Bhd	Cik Fazlina	OFO-0911-03-EDU
4	Harta Maintenance Sdn Bhd	Pn. Janiah Ja'afar	OFO-0303-01-SVC
5	Harta Maintenance Sdn Bhd	Pn. Ili Atira Zolkifli	OFO-0303-01-SVC
6	Daekyo Malaysia Sdn Bhd	En. Victor Chan	OFO-0711-04-EDU
7	Permodalan Kelantan Berhad		OFO-1214-02-SVC
8	Revenue Valley Sdn Bhd	En. Amiril Rizar Abd. Rani	OFO-0304-01-F&B
9	Coolblog Desserts Sdn Bhd	En. Muhammad Daniel Koh	OFO-0217-03-F&B
10	City Coin Laundry Sdn Bhd	Cik Sandra	OFO-0617-01-SVC
11	Perbadanan Nasional Berhad (Pns)	En. Abdul Razak Bentong	OSI-0798-02-GOV

LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2018

Jawatankuasa Pentadbiran
Jawatankuasa Kecil Pendaftaran & Etika
Jawatankuasa Kecil Perhubungan Kebangsaan & Antarabangsa
Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam
Jawatankuasa Kecil Penyelidikan & Pendidikan
Jawatankuasa Kecil Pembangunan Perniagaan
Jawatankuasa Kecil Rundingcara & Kebajikan
Jawatankuasa Induk Program Franchise International Malaysia 2018
(FIM2018)
Jawatankuasa Induk Malam Anugerah Francais 2018 (MAF2018)

LAPORAN KEMAJUAN TAHUN 2018

1.0 LAPORAN PENTADBIRAN

JAWATANKUASA PENTADBIRAN

Objektif

Bertanggungjawab dalam memastikan MFA ditadbir berdasarkan kepada pematuhan Undang-Undang Tubuh MFA dan Akta Persatuan 1966. Selain itu, JK juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti MFA dilaksanakan selaras dengan hala tuju MFA dan Industri Francais. Juga berperanan untuk memantau dan memastikan aktiviti pentadbiran MFA dilaksanakan dengan cekap, amanah dan berkesan.

Pengerusi

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)

Naib Pengerusi

YBhg Dato' Zahriah Abdul Kadir

(Zahriah Affiq Resort Sdn Bhd)

En. Rozaiman Che Kar

(Ria-Two Sdn Bhd)

Ahli-Ahli

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)

Pn. Siti Khadijah Mohd (Sekretariat)

En. Norhadi Md Yusof (Sekretariat)

Cik Bayani Salihah Ibrahim (Sekretariat)

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-23

Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-23 telah diadakan pada 22 Mei 2018 bertempat di Hotel Vistana, Titiwangsa Kuala Lumpur dengan dihadiri oleh 52 wakil ahli. Pada mesyuarat tersebut, En.Nurhasril Nordin dan En. Amran Abd Hamid telah dilantik sebagai Juruaudit Dalaman sesi 2018/2020. Selain itu, mesyuarat juga bersetuju untuk meminda Fasal 15, Undang-Undang Tubuh MFA berkaitan tempoh perlantikan Juruaudit Dalaman.

MESYUARAT JAWATANKUASA UTAMA

Mesyuarat Jawatankuasa Utama telah dilaksanakan bagi memastikan dan memantau aktiviti dilaksanakan seperti yang telah dijadualkan serta membincangkan perkara atau isu berbangkit yang perlu diambil tindakan. Walau bagaimanapun pemantauan aktiviti ini tidak terhad melalui mesyuarat Jawatankuasa Utama dan Jawatankuasa Eksekutif sahaja, mesyuarat di antara Jawatankuasa kecil dan dikalangan sekretariat juga sering dilaksanakan. Jadual perlaksanaan mesyuarat bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT
28 Mac 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 3/2017-2019
28 Jun 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 4/2017-2019
5 Okt 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 5/2017-2019
12 Dis 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Utama Bil 6/2017-2019
17 Mei 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Khas AGM2018

LEADERS MEETING

Leaders Meeting 2018 telah diadakan pada 18 hingga 20 Januari 2018 di Sunway Hotel, Hanoi, Vietnam dan seramai 8 orang Ahli JKU telah menghadiri mesyuarat tersebut. Antara perkara yang telah dibincangkan adalah seperti berikut :

i) Memperkuuh Manfaat Keahlian

Bagi memperkuuhkan manfaat keahlian, MFA akan mewujudkan Kad Keahlian. Kad ahli ini berbentuk fizikal atau atas talian akan diperkenalkan mengikut keahlian organisasi yang mendaftar. MFA juga akan melaksanakan MOU dengan institusi Kewangan. Melalui pelaksanaan ini dapat membantu francaisi untuk mendapatkan pembiayaan perniagaan dan seterusnya menggalakan francaisor untuk mendaftarkan francaisinya kepada MFA. Selain itu, pendaftaran syarikat gergasi sebagai Ahli korporat MFA juga akan dilaksanakan.

Kad keahlian MFA masih dalam proses kajian dan pembangunan untuk memastikan penghasilan kad ini adalah signifikan dan dapat memanfaatkan kepada semua kategori keahlian.

ii) Mengaktifkan MFA Franchise Sdn. Bhd.

Mesyuarat telah bersetuju untuk mengaktifkan MFA Franchise Sdn. Bhd yang telah didaftarkan pada tahun 2016 untuk melaksanakan aktiviti atau program yang dapat menjana pendapatan dan memberi nilai tambah kepada MFA. En Mohamad Shukri Salleh telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MFA Franchise Sdn Bhd dan Mohd Faizal Abd Latip sebagai Ketua Pegawai Operasi.

MFA Franchise Sdn Bhd telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 Julai 2018 dengan 7 orang kakitangan dimana 4 orang adalah daripada secretariat MFA yang dipindahkan daripada MFA dan 3 orang

TARIKH	MESYUARAT
6 Mac 2018	Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif

adalah lantikan baru. Senarai kakitangan adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Mohamad Shukri Salleh	Ketua Pegawai Eksekutif
2.	Mohd Faizal Abd Latip	Ketua Pegawai Operasi
3.	Abdullah Abu	Eksekutif Kanan, Acara
4.	Mohd Rithauddin Abd Aziz	Eksekutif Kanan, Jualan & Pemasaran
5.	Mohd Najib Ramli	Eksekutif, Kreatif dan Promosi
6.	Muhammad Farizuddin A.Radzak	Eksekutif, Latihan dan Projek
7.	Nurul Ain Mohamad	Eksekutif, Perhubungan Media

iii) Perkhidmatan Perundingan dan Latihan

Aktiviti perkhidmatan perundingan dan latihan merupakan teras aktiviti bagi MFA Franchise Sdn. Bhd dimana khidmat rundingan akan menyasarkan kepada 2 kumpulan utama iaitu francais dan francaisi. Kepelbagaiannya dalam program latihan yang tidak terhad kepada industri francais juga akan dilaksanakan dan antaranya aktivitinya adalah seperti kolaborasi antara Executive Franchise Certificate bersama university, Food Handling Certificate, Sesi Townhall, Franchise CSR di sekolah dan aktiviti yang tidak terhad kepada program latihan francais sahaja.

Khidmat perundingan telah dibekukan kerana syarikat mendapati khidmat ini akan memberikan persaingan kepada ahli MFA kategori Institusi Sokongan. Sehubungan itu, syarikat dalam proses mendapatkan kaedah yang terbaik bagi menangani isu ini. Selain itu, syarikat dalam proses untuk membangunkan modul latihan baru dan dalam masa yang sama syarikat akan mengadakan kerjasama dengan syarikat pengendali latihan untuk mengadakan program latihan baru.

iv) Tabung Dana Bangunan MFA

Tabung Dana Bangunan MFA (MFA Fund Building) merupakan inisiatif bagi mencapai sasaran kutipan sebanyak RM3.0 juta untuk pembelian bangunan MFA. Objetif pembelian bangunan ini adalah untuk mengukuhkan imej dan meningkatkan keyakinan ahli dan orang ramai terhadap MFA, serta menyediakan kemudahan dan fasiliti untuk kegunaan bersama dengan ahli MFA dan sebagai salah satu sumber pendapatan MFA untuk jangka masa panjang. Pelancaran tabung dana aktiviti mengumpul dana akan dilaksanakan pada tahun 2018. Antara kaedah mengumpul dana adalah seperti berikut :

- a) Networking

- b) Kerja Amal
- c) Acara
- d) Pelepasan Cukai
- e) Penajaan Korporat
- f) Coffee Table MFA 25th Anniversary

Sehingga 31 Disember 2018, jumlah terkumpul bagi dana Bangunan MFA adalah sebanyak RM26,235. Dijangkakan kutipan ini dihentikan seketika pada tahun 2018 disebabkan pembelian bangunan di Jalan Kuching tidak dapat diteruskan kerana kekangan kewangan MFA. Tabung ini akan giat dilaksanakan pada tahun 2019 apabila beberapa faktor telah diselesaikan.

PEMBELIAN BANGUNAN MFA

Pada Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 3/2017-2019, mesyuarat telah bersetuju dengan cadangan pembelian Bangunan Lot 1 yang berkeluasan 12,648 kaki persegi di Boulevard Business Park, Jalan Kuching yang berharga RM6,558,098 dan MFA telah berjaya membuat rundingan harga sebanyak RM6,115,980.33.

Ahli Jawatankuasa telah mendapatkan maklumat mengenai pinjaman daripada 6 buah bank iaitu Ambank, RHB Bank, Public Bank, Bank Rakyat, CIMB Bank dan MBSB. Kadar faedah yang dikenakan adalah daripada 4.65% - 7.0% manakala untuk tempoh pinjaman yang dikenakan ialah daripada 20 tahun hingga 25 tahun. Maksimum peratusan jumlah pinjaman adalah daripada 80% hingga 95% daripada harga pasaran. Bagi tujuan pinjaman ianya memerlukan penjamin individu. Oleh itu, Ahli Jawatankuasa mensasarkan kutipan dana sebanyak RM6,400,000.00 untuk membiayai pinjaman dan kos pengubahsuaian bangunan melalui aktiviti-aktiviti seperti pakej sumbangan dan acara amal.

MFA telah menghantar borang dan dokumen pinjaman pembelian bangunan MFA ke 5 buah bank. Walaubagaimanapun, 4 bank telah menolak permohonan pinjaman tersebut. Antara faktor penolakan adalah disebabkan oleh status Persatuan dan kewangan MFA yang tidak kukuh untuk beberapa tahun kebelakangan ini berdasarkan laporan audit yang telah dikemukakan.

Pada Mesyuarat Jawatankuasa Bil. 6/2017-2019 , mesyuarat telah dimaklumkan tentang permohonan pembelian bangunan dari pihak bank telah ditolak dan MFA mengambil langkah untuk mendapatkan permohonan pembiayaan pembelian bangunan daripada Perbadanan Nasional Berhad (PNS). Selepas menimbangkan kedudukan dan kemampuan MFA, Ahli Jawatankuasa mengambil keputusan untuk membuat pembelian dan pembiayaan bagi 2 tingkat ruang kedai tersebut yang berharga RM3,094,510 berbanding 4 tingkat seperti cadangan asal.

Dalam pada itu, mesyuarat telah bersetuju untuk MFA menyewa terlebih dahulu premis tersebut demi memberi keselesaan kepada sekretariat dan pembelian bangunan MFA akan diteruskan setelah kewangan MFA kembali stabil.

KUNJUNGAN HORMAT

JKK telah mengemukakan surat kunjungan hormat kepada kementerian serta agensi seperti berikut :

Bil.	Kunjungan Hormat	Tarikh
1.	YB Dato' Seri Hamzah Zainudin Menteri KPDKKK	22 Januari 2018
2.	YB. Dato' Henry Sum Agung Timbalan Menteri KPDKKK	22 Januari 2018
3.	YBhg. Dato' Sri Jamil Bin Salleh Ketua Setiausaha KPDKKK	12 Mac 2018
4.	Puan Wan Suraya binti Wan Mohd Radzi Ketua Setiausaha MED	7 Ogos 2018
5.	YB Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail Menteri KPDKHEP	13 Ogos 2018
6.	YB Tn Haji Mohd Redzuan Md Yusof Menteri MED	27 Ogos 2018

SEKRETARIAT

Sekretariat ditubuhkan untuk membantu Ahli Jawatankuasa Utama Persatuan menjalankan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti yang mendatangkan faedah kepada ahli secara khususnya dan industri francais secara umumnya. Sehingga 31 Disember 2018, bilangan sekretariat adalah sebanyak 11 orang berbanding 13 orang pada Disember 2017.

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	Ahmad Faizal Mohamed Noor	Ketua Eksekutif
2.	Zuraida Jomri	Timbalan Pengurus Besar, Hal Ehwal Keahlian dan Perhubungan Korporat
3.	Wan Muhammad Zainal Wan Yahya	Pengurus, Perancangan Strategik
4.	Norhadi Md Yusof	Eksekutif Kanan, Teknologi Maklumat & Komunikasi
5.	Siti Khadijah Mohd	Eksekutif Kanan, Pentadbiran Korporat
6.	Fatin Nur'Atikah Abd Latip	Eksekutif Kanan, Perhubungan Korporat
7.	Nabila Syafifi Roslan	Eksekutif, Hal Ehwal Keahlian

BIL	NAMA	JAWATAN
8.	Siti Ohara Hamdan	Eksekutif, Kewangan
9.	Bayani Salihah Ibrahim	Eksekutif, Pentadbiran & Sumber Manusia
10 .	Nurizzatul Faiqah Rohaizat	Eksekutif, Pembangunan Perniagaan & Perhubungan Antarabangsa
11 .	Nurhafizatul Ain Abd Halim	Eksekutif, Penyelidikan & Pendidikan

AKTIVITI SEKRETARIAT

Program BMI Challenge dan Aerobik Zumba diperkenalkan untuk memupuk kesedaran tentang kepentingan megamalkan gaya hidup sihat malah dapat mengurangkan kadar stress di kalangan sekretariat. Aktiviti ini telah mula dilaksanakan pada Mei 2018.

Program Tarbiyyah Rohani diadakan bagi memberi peluang kepada sekretariat untuk mempelajari dan mendalami Al-Quran dan As-Sunnah yang merangkumi semua aspek kehidupan. Program ini telah bermula pada November 2018.

Selain itu, sekretariat juga banyak mengadakan aktiviti sepanjang tahun 2018 bagi tujuan untuk meningkatkan tahap pemikiran kritis kakitangan, membudayakan kerja berpasukan bagi mencapai matlamat organisasi dan memberi peluang kepada sekretariat memberikan pandangan, memperlihatkan kreativiti serta bersuara dalam ses sebuah aktiviti. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah Skytrex Adventure di Bukit Cerakah, Potluck Bulanan, Sesi Karaoke, Menonton Wayang, Bowling dan sebagainya.

INFORMASI, TEKNOLOGI & KOMUNIKASI

Membina, menyelenggara dan menaiktarafkan laman sesawang, sistem Email, Sistem SMS dan Fax Digital bagi memastikan maklumat dapat dicapai dan disalurkan kepada umum, serta sebagai platform para ahli mempromosikan aktiviti mereka.

KALENDAR AKTIVITI

JKK Pentadbiran bertanggungjawab untuk mengordinasikan dan memastikan aktiviti MFA yang telah dirancang dilaksanakan mengikut perancangan. Sepanjang tahun 2018, Persatuan telah menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahlinya dan orang awam. Selain itu, Persatuan juga telah menyertai dan menerima jemputan anjuran ahli-ahli persatuan, agensi kerajaan dan pihak swasta. Kalendar Aktiviti Tahun 2018 adalah seperti di muka surat 44-54.

2.0 LAPORAN PENDAFTARAN & ETIKA

JAWATANKUASA KECIL PENDAFTARAN & ETIKA

OBJEKTIF JKK

Jawatankuasa Kecil Pendaftaran dan Etika adalah bertanggungjawab menentukan kedudukan sesuatu permohonan untuk menjadi ahli, memperakurkan permohonan tersebut kepada Jawatankuasa Utama, bertanggungjawab ke atas mekanisme pengawasan etika ahli-ahli menggunakan Kaedah-kaedad Pengawasan Etika secara dalaman yang diperuntukkan di dalam Undang-Undang Tubuh ini.

Pengerusi

En. Khairudin Yahya
(Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd)

Ahli-Ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)
Cik Nabila Syafifi Rosslan (Sekretariat)

PENDAFTARAN KEAHLIAN

Bilangan Keahlian

Jawatankuasa dari semasa ke semasa melaksanakan operasi pemutihan ahli bagi memastikan setiap ahli menerima faedah daripada keahlian mereka. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kualiti keahlian serta penyampaian perkhidmatan MFA. Pecahan bilangan keahlian pada 31 Disember 2018 adalah seperti berikut:

KATEGORI	JENIS KEAHLIAN	BILANGAN
Ahli Biasa	Francaisor	198
	Francaisi Induk	15
	Francaisi	73
	Institusi Sokongan	22
Ahli Bersekutu	Bakal Francaisor	78
	Bakal Francaisi Induk	20
	Bakal Francaisi	29
	Institusi Sokongan	21
Ahli Pelajar		13
Ahli Antarabangsa		4
Ahli Kehormat		8
JUMLAH		481

a) Keahlian Ahli Baru

Pada tahun 2018, keahlian yang telah diluluskan adalah sebanyak 30 permohonan berbanding 15 permohonan pada tahun 2017. Fokus rekrut keahlian adalah di kalangan francaisor dan francaisi yang diluluskan oleh Pendaftar Francais.

b) Penamatan Keahlian

Sehingga 31 Disember 2018 sebanyak 9 ahli telah menamatkan keahlian mereka berbanding 13 ahli pada tahun 2017. Penamatan ini adalah disebabkan ahli tersebut tidak lagi aktif dalam industri francais.

AKTIVITI KEAHLIAN

MFA juga telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang memberikan pelbagai faedah kepada ahli-ahli persatuan dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

1. Program Enhance Members Benefit Program (EMBI)

Tujuan Program ini diadakan adalah untuk menambahbaik keberkesanan penyampaian perkhidmatan kepada ahli disamping meningkatkan komunikasi dan perhubungan antara MFA dan Ahli. Setiap Sekretariat MFA akan dilantik sebagai Pegawai Perhubungan kepada 20-30 bilangan ahli. Pegawai ini bertanggungjawab untuk memaklumkan aktiviti anjuran MFA, mendapatkan maklumat terkini serta kebajikan ahli.

2. Jemputan Khas Menyertai Aktiviti Anjuran MFA

Sebagai tanda penghargaan kepada kesetiaan ahli dan kebersamaan ahli sepanjang penubuhan MFA selama ini, JKK pada tahun 2018 telah menjemput ahli menyertai dan merasai kemeriahan aktiviti anjuran MFA. Jemputan khas ini khusus kepada 58 ahli yang mempunyai tahun keahlian melebihi 10 tahun. Ahli Setia ini telah dijemput untuk menyertai Program Malam Anugerah Francais 2018 yang berlangsung pada 18 September 2018.

3. Kunjungan ke Ahli

Ahli Sedia Ada - Melalui aktiviti ini MFA dapat mengetahui perkembangan semasa, permasalahan dan sekaligus menjalinkan hubungan erat di antara ahli dan persatuan. Sepanjang tahun 2018 MFA telah mengunjungi sebanyak 24 ahli.

Potensi Ahli – Kunjungan ini merupakan tindakan proaktif JKK untuk menambahkan bilangan keahlian MFA disamping untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA serta untuk menjalinkan hubungan erat di kalangan pemain industri francais. MFA telah mengunjungi sebanyak 18 potensi ahli pada tahun 2018.

4. Coffee/ Teh Tarik Session

MFA telah menganjurkan sesi ini bagi mendapatkan maklum balas dan perkembangan semasa daripada

ahli-ahli. Selain itu, aktiviti ini juga bertujuan untuk mempromosikan outlet ahli kepada ahli MFA yang lain. Lokasi perlaksanaan adalah ditaja oleh ahli tersebut. Sebanyak 4 sesi telah dilaksanakan sepanjang tahun 2018 dan dihadiri secara puratanya sebanyak 50 ahli bagi setiap sesi.

TARIKH & LOKASI	TOPIK
7 Ogos 2018 Rumah Kelab KPENKHEP	Forum Industri Francais berkenaan GST dan SST
12 November 2018 Killiney Kopitiam KLCC	SST: Implementation & Transition Issues
13 Disember 2018 MFA	Engagement on AEON Credit Facilities
13 Disember 2018 MFA	LHDN - Tawaran Pengakuan Sukarela

5. Liputan Media

MFA sebagai platform antara media dan ahli-ahli MFA bagi mempromosikan ahli MFA dan industri francais keseluruhannya. Sepanjang tahun 2018 sebanyak 74 artikel dan berita ahli telah dihebahkan melalui pelbagai saluran media MFA.

6. Media Sosial

MFA giat mempromosikan ahli dan aktiviti ahli melalui 4 saluran media baru iaitu Facebook, Instagram, Twitter dan Laman sesawang MFA. Promosi Profil Ahli dimuatnaik sebanyak 2 kali seminggu di laman facebook MFA. Sebanyak 56 profil ahli telah dipromosikan sepanjang tahun 2018.

7. Laman Sesawang MFA

MFA juga turut memuatkan profil ahli ke dalam laman sesawang bagi tujuan promosi dan ahli juga turut berpeluang mengiklankan sistem francais mereka melalui laman sesawang ini. Sebanyak 150 ahli telah menerima manfaat ini di mana logo dan profil mereka telah dipaparkan di laman sesawang MFA.

8. Penganugerahan Sijil Keahlian kepada Ahli Baru

Seramai 7 ahli baru pada tahun 2018 telah dianugerahkan sijil keahlian semasa Mesyuarat Agung Tahunan MFA kali ke-23 di Hotel Vistana Kuala Lumpur pada 22 Mei 2018.

9. Penyertaan Aktiviti Ahli

MFA telah menerima pelbagai jemputan untuk menghadiri program anjuran ahli dan akan dihadiri sama ada di kalangan Ahli Jawatankuasa Utama ataupun sekretariat. Butiran lanjut jemputan pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

TARIKH	AKTIVITI
24 Apr 2018	Celebrating the Rotiboy Superstars of Our 20 Year Journey
12 Jun 2018	China Signing Press Conference from Loob Holding Sdn Bhd
27 Jun 2018	Majlis Jamuan Aidilfitri CGC
10 Jul 2018	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri 2018 Anjuran Sektarakyat
21 Sep 2018	Invitation to The Signing Ceremony of Smart Reader Kids @ Master Franchise

10. Jemputan Penyertaan Kepada Ahli

MFA telah menerima permintaan daripada badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya untuk memanjangkan jemputan penyertaan kepada ahli-ahli MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut;

TARIKH	AKTIVITI
17 Mei 2018	Invitation Export Acceleration Mission
10 Ogos 2018	Program Inisiatif Pembangunan Anak-Anak Asnaf Selangor
15 Ogos 2018	Konsultasi Berhubung Kajian Semula Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
27 Sep 2018	SME Community Portal & SME BizConnect Event
17 Okt 2018	MFA-SLF 2018 (Seminar "Strategic Business Management")
18 Okt 2018	MFA-SLF 2018 (Seminar "Global Expansion")
26 Okt 2018	Karnival Usahawan Francais Pemuda "Kedah My Hometown"
09 Nov 2018	Program Skim Latihan Francais (SLF) 2018: Kajian Impak Cadangan Pelaksanaan Pengurangan Francais Dan Kesannya Terhadap Ekonomi Industri Francais
13 Dis 2018	Engagement on AEON Credit Facilities
13 Dis 2018	Taklimat Percukaian kepada Usahawan Francais dan Tawaran Pengakuan Sukarela

3.0 LAPORAN PERHUBUNGAN KEBANGSAAN & ANTARABANGSA

JAWATANKUASA KECIL PERHUBUNGAN KEBANGSAAN & ANTARABANGSA

Objektif

Bertanggungjawab menjalin dan memupuk hubungan yang erat dengan semua pihak di dalam dan luar negeri yang berkepentingan dengan tujuan dan maksud pertubuhan untuk terus membangunkan sektor francais serta memberi manfaat kepada ahli.

Pengerusi

En. Izham Hakimi Dato' Hamdi
Naza Tutti Fruiti (M) Sdn Bhd

Naib Pengerusi

En. Sam Siew Pak Kheong
Franchise Technology & Methods Sdn Bhd

Ahli-ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)
Cik Nurizzatul Faiqah Rohaizat (Sekretariat)

AKTIVITI DI PERINGKAT KEBANGSAAN

Penyertaan Aktiviti

MFA telah terlibat dengan beberapa aktiviti di peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh badan kerajaan serta agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan sebagainya. Sebanyak tiga belas (13) aktiviti telah dihadiri oleh MFA sepanjang tahun 2018. Butiran untuk aktiviti-aktiviti yang telah disertai MFA adalah seperti di Lampiran Kalender Aktiviti.

Kunjungan Hormat dan Mesyuarat Kerjasama

MFA telah mengadakan dan menerima kunjungan hormat dan Mesyuarat kerjasama daripada beberapa organisasi tempatan dan antarabangsa sepanjang tahun 2018 bagi mempromosikan aktiviti MFA serta mengenalpasti peluang perniagaan francais yang terdapat di kedua-dua organisasi. Butiran kunjungan hormat dan mesyuarat Kerjasama tersebut adalah seperti di Lampiran Kalender Aktiviti.

KEANGGOTAAN MFA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

World Franchise Council (WFC)

WFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada 48 Persatuan Francais seluruh dunia yang telah ditubuhkan pada tahun 1994. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk

bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di Negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. MFA telah menganggotai WFC sejak tahun 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat *Legal Affair* untuk sesi 2013 sehingga 2015.

Antara perkara yang telah dibentangkan ialah bilangan ahli untuk WFC adalah sebanyak 46 negara. Seterusnya, mesyuarat juga membentangkan tarikh dan lokasi untuk mesyuarat WFC dan APFC yang bakal dilangsungkan pada awal April 2019 untuk sesi pertama dan pada bulan Oktober untuk sesi yang kedua. Mr Simon Bartholomew daripada British Franchise Association (BFA) telah mencadangkan supaya yuran tahunan untuk WFC dinaikkan sebanyak 5% untuk tahun 2019.

Mesyuarat WFC diadakan sebanyak 2 kali setahun dan MFA telah menghadiri mesyuarat WFC yang diadakan seperti butiran berikut ;

Mesyuarat WFC Bil. 1/2018

Tarikh	28 – 31 Mei 2018
Tempat	Moscow, Russia
Wakil MFA	Tiada wakil

Mesyuarat WFC Bil. 2/2018

Tarikh	18 – 19 Nov 2018
Tempat	Kaherah, Mesir
Wakil MFA	En. Mohamad Shukri Salleh

Asia Pacific Franchise Confederation (APFC)

APFC merupakan sebuah pertubuhan antarabangsa yang terdiri daripada Persatuan Francais di sekitar Asia Pasifik dan telah ditubuhkan pada tahun 1998. Tujuan penubuhannya adalah bagi menyediakan forum untuk bertukar pengalaman, maklumat dan pandangan dalam industri francais di Negara masing-masing di samping meningkatkan saluran komunikasi di antara setiap ahli persatuan. Penubuhan APFC ini telah didaftarkan di Pendaftar Pertubuhan di Malaysia. MFA telah menganggotai APFC sejak 1998 dan pernah dilantik sebagai Sekretariat pada tahun 1998 sehingga tahun 2014. MFA juga dilantik sebagai Bendahari APFC dari tahun 2009 sehingga kini.

Mesyuarat APFC pada 2018 telah mengalukan kedatangan ahli baru iaitu negara UAE. UAE juga akan menjadi tuan rumah untuk mesyuarat WFC dan APFC untuk tahun 2019 bagi sesi kedua iaitu pada bulan Oktober 2019.

Mesyuarat APFC diadakan secara tahunan dan MFA telah menghadiri mesyuarat APFC yang diadakan seperti butiran berikut ;

Mesyuarat APFC Tahun 2017

Tarikh	17 Nov 2018
Tempat	Kaherah, Mesir
Wakil MFA	En. Mohamad Shukri Salleh

AKTIVITI DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Perjanjian Memorandum Persefahaman (MOU)

MFA telah menandatangani perjanjian MOU bersama *Franchising and Licencing Association of Singapore* (FLA) pada 18 Oktober 2018, bersempena dengan pameran *Franchising and Licensing Asia 2018* di Hotel Marina Mandarin, Singapura. Objektif kepada perjanjian MOU ini antaranya adalah untuk memberi bantuan kepada satu sama lain (MFA dan FLA) dalam aktiviti berkaitan francais dan acara perniagaan, termasuk pameran, misi dan persidangan. Memberi nasihat dan bantuan kepada syarikat, terutama perusahaan kecil dan sederhana (SMEs) dan juga menggalakkan pertukaran program latihan antara kedua-dua organisasi.

Jemputan Sebagai Penceramah

a) Franchise Asia Philippines 2018

Pameran *Franchise Asia Philippines 2018* telah dijayakan pada 18 hingga 22 Julai 2018. MFA telah mendapat jemputan untuk menjadi penceramah dan telah diwakili oleh Datuk Radzali Hassan dan Encik Mohd Faizal Abd Latip. Datuk Radzali Hassan memberikan ceramah yang bertajuk *How the Malaysian Government is Supporting The Franchising Sector* pada 18 Julai 2018. Datuk Radzali turut memberi pendedahan berkaitan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport (EFDP) yang merupakan usaha kerjaan untuk mempertingkatkan lagi industri francais negara.

b) Franchise Licensing Asia Singapore 2018

MFA telah menerima jemputan untuk menjadi penceramah berkenaan Isu-Isu Francais Semasa di Malaysia (*The Current Franchising Issues In Malaysia*) di *Franchising and Licensing Asia 2018*, bertempat di *Marina Bay Sands Expo and Convention Centre* Singapura pada 18 Oktober 2018. MFA telah menghadiri program ini dan diwakili oleh Mr Sam Siew.

Misi Perdagangan

JKK juga turut terlibat dalam melaksanakan Misi Perdagangan di peringkat antarabangsa anjuran bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dan MATRADE. Tujuan aktiviti-aktiviti ini diadakan adalah bagi mempromosikan industri francais negara, ahli-ahli dan aktiviti-aktiviti MFA. Antara aktiviti lain yang turut diadakan pada setiap misi perdagangan ialah Forum Perniagaan, kunjungan hormat kepada dewan perniagaan atau agensi kerajaan dan kunjungan ke outlet francais. Turut terlibat bagi program ini adalah ahli-ahli persatuan yang ingin menerokai serta mengembangkan perniagaan francais mereka ke peringkat antarabangsa. Insentif penyertaan turut diberikan oleh kerajaan kepada pemamer bagi setiap misi perdagangan yang disediakan oleh pihak KPDNHEP melalui tajaan ruang pameran dan pemamer yang layak boleh memohon Geran Pembayaran Balik Tiket Penerbangan dan Penginapan di bawah Program EFDP.

a) Info Franchise & Business Concept (IFBC) - Bandung

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke *Info Franchise & Business Concept (IFBC)*, Bandung, Indonesia yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francaisor yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	6 – 8 April 2018
Tempat	Bandung, Indonesia
Wakil MFA	
1. En. Amran Shah Idris 2. Cik Fatin Nur'atikah Abd. Latip 3. Cik Nabila Syafifi Rosslan	
Penyertaan Ahli	
1. Arjuna Village Sdn Bhd (Arjuna Village) 2. Bangi Coffee Shop International Sdn Bhd (Bangi Kopitiam) 3. Celmonze Sdn Bhd (Celmonze) 4. Coolblog Dessert Sdn Bhd (Coolblog) 5. Goldlife Marketing Sdn Bhd (Meiko) 6. Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd (Aquanano) 7. Perbadanan Nasional Berhad (PNS) 8. Otak-otak Mohd Noh SdnBhd (Mr Noh Otak – Otak JB) 9. Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)	

b) Thailand Franchise and Business Opportunities Expo 2018 International Retail & Franchise Show

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Thailand Franchise and Business Opportunities Expo 2018 yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	12 – 15 Julai 2018
Tempat	Bangkok, Thailand
Penganjur	
KPDNKK	
1. En. Azlan Bin Abdul Samat 2. En. Shahrin bin Ismail	
Wakil MFA	
1. En. Norhadi Md Yusof 2. En. Muhammad Najib Ramli	
Penyertaan Ahli	
1. Celmonze Sdn Bhd (Celmonze) 2. City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundry Bar) 3. Cleanpro Express Sdn Bhd (Cleanpro) 4. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) 5. Goldlife Marketing Sdn Bhd (Meiko) 6. Krista Education Sdn Bhd 7. Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd (Aquanano) 8. Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown) 9. Muzart Learning Centre Sdn Bhd (Muz Art) 10. Perbadanan Nasional Berhad (PNS) 11. Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market) 12. Syarikat Abdul Ghaffar Trading Sdn Bhd (Saudagar Kurma)	

c) Melbourne Franchising and Business Opportunities Expo 2018

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke Melbourne Franchising and Business Opportunities Expo 2018 yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	25 – 26 Ogos 2018
Tempat	Melbourne, Australia
Penganjur	
KPDNKK	
1. En. Shahrin bin Ismail 2. Puan Nurulakmal Md Hassan 3. Pn. Noor Amira Mohd Azali	

Wakil MFA

1. Pn. Zuraida Jomri
2. En. Muhammad Farizzuddin A. Radzak

Penyertaan Ahli

1. Brainchecker Global Group Sdn. Bhd.
2. Celmonze Sdn Bhd (Celmonze)
3. Elleven Lingerie International Sdn Bhd
4. Ferlab Sdn Bhd
5. Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art)
6. Goldlife Marketing Sdn Bhd (Meiko)
7. Krista Education Sdn Bhd
8. Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)
9. Perbadanan Nasional Berhad (PNS)
10. Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market)
11. Teh Tarik Place Sdn Bhd

d) Info Franchise & Business Concept (IFBC)

MFA telah melaksanakan Misi Perdagangan ke Info Franchise & Business Concept (IFBC) di Jakarta, Indonesia yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	12-15 Oktober 2018
Tempat	Jakarta, Indonesia
Penganjur	
KPDNHEP	
1. YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail 2. YBrs Badrul Hisham Bin Mohd 3. YBrs Jafri Bin Embok Taha 4. En. Zamshari Shahran	
Wakil MFA	
1. YBhg Datuk Radzali Hassan 2. En. Ahmad Faizal Bin Mohamed Noor 3. En. Wan Muhammad Zainal Bin Wan Yahya 4. Cik Siti Ohara Binti Hamdan.	
Penyertaan Ahli	
1. Bangi Coffee Shop International Sdn Bhd (Bangi Kopitiam) 2. Cleanpro Express Sdn Bhd (Cleanpro) 3. Global Art and Creative Sdn Bhd (Global Art) 4. Goldlife Marketing Sdn Bhd (Meiko) 5. Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown) 6. Myhomme Group Resources (M) Sdn Bhd (Aquanano) 7. Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan Fish Market) 8. Rowenda Kitchen Sdn Bhd (Rowenda Kitchen) 9. Smart Reader Worldwide Sdn Bhd (Smart Reader)	

e) The 10th Vietnam International Retail-Tech and Franchise Show (VIETRF)

MFA telah menyertai Misi Perdagangan ke The 10th Vietnam International Retail-Tech and Franchise Show (VIETRF) yang telah dianjurkan oleh KPDNHEP. Beberapa syarikat francais yang terdiri daripada ahli MFA telah menyertai program ini dan butiran mengenai program tersebut adalah seperti berikut:

Tarikh	1 – 3 November 2018
Tempat	Ho Chi Minh, Vietnam
Penganjur	
KPDNHEP	
1.	YB Chong Chieng Jen
2.	YBhg Datuk Sri Jamil Salleh
3.	En. Azlan Bin Abdul Samat
Wakil MFA	
1.	En. Deric Yeo
2.	En. Wan Muhammad Zainal Bin Wan Yahya
3.	En. Abdullah Bin Abu
4.	Cik Nurul Ain Binti Mohamad
Penyertaan Ahli	
1.	Cleanpro Express Sdn Bhd (Cleanpro)
2.	Globat Art and Creative Sdn Bhd (Global Art)
3.	Global Top Technologies (M) Sdn Bhd (GTC)
4.	IPM Engineering Sdn Bhd (IPM)
5.	Marrybrown Sdn Bhd (Marrybrown)
6.	Revenue Valley Sdn Bhd (NY Steak Shack)
7.	Poney Garments Sdn Bhd (Poney)

Ahli-Ahli

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)
Pn. Fatin Nur'Atikah Abd. Latip (Sekretariat)

PERHUBUNGAN MEDIA

Untuk tujuan mempromosikan industri francais, peranan media massa sememangnya penting. Sehubungan dengan itu, MFA telah mengambil inisiatif untuk menjalin hubungan baik dengan organisasi-organisasi media melalui aktiviti yang dianjurkan sepanjang tahun untuk mendapat publisiti yang maksima. Antara aktiviti tersebut adalah seperti berikut:

Lawatan dan Kerjasama Media

Lawatan ke media dilaksanakan untuk membincangkan kerjasama dengan pihak media dalam mempromosikan aktiviti tahunan MFA serta menjalinkan hubungan yang baik dengan pihak media. Hasil daripada aktiviti ini, MFA telah mendapatkan pakej harga terbaik untuk mempromosikan aktiviti anjuran MFA. MFA telah mengadakan pertemuan dengan media seperti berikut:

JENIS	TARIKH	ORGANISASI
Media Elektronik	4 Jan	Astro Awani
	6 Mac	TV9
	10 Mac	Media Prima
	14 Mac	Bernama
	9 Okt	
Media Cetak	4 Jan	Nanyang Siang Pau
	4 Dis	Going Places – Malaysia Airlines

4.0 LAPORAN PROMOSI & PERHUBUNGAN AWAM

JAWATANKUASA KECIL PROMOSI & PERHUBUNGAN AWAM

Objektif

Jawatankuasa Kecil Promosi & Perhubungan Awam bertanggungjawab dalam usaha mempromosikan aktiviti persatuan, ahli-ahli dan industria francais secara keseluruhannya. Jawatankuasa Kecil ini turut berperanan memupuk dan menjalin hubungan erat dengan pihak kerajaan, organisasi media, agensi-agensi swasta dan semua pihak yang berkaitan.

Pengerusi:

En. Mohamad Shukri Salleh
Franchise Channel (M) Sdn Bhd

Naib Pengerusi

En. Deric Yeo
Revenue Valley Sdn Bhd

Kerjasama dengan Media Elektronik

Dalam usaha mempromosi industria francais dan aktiviti-aktiviti anjuran MFA serta ahli-ahli, JKK PPR telah menjalinkan kerjasama dengan media melalui sesi temu bual, iklan dan liputan acara. Media yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan aktiviti MFA dan industria francais adalah seperti di Jadual di bawah.

KERJASAMA TELEVISYEN	
RTM	<ul style="list-style-type: none"> • Temuramah bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan dan En. Muhamad Shukri Salleh
BERNAMA TV	<ul style="list-style-type: none"> • Temuramah bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan dan En. Muhamad Shukri Salleh
TV9	<ul style="list-style-type: none"> • Temuramah bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan

KERJASAMA RADIO	
BERNAMA Radio Liputan Program MFA dan FIM2018	

Manakala butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di **Lampiran**.

Kerjasama dengan Media Cetak dan Berita Online

MFA juga mendapat komitmen daripada media cetak dari semasa ke semasa bagi mengadakan sesi temu bual, siaran akhbar, iklan dan membuat liputan acara FIM2018 dan butiran media adalah seperti di Jadual bawah. Manakala butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di **Lampiran**.

Media Tempatan	
• Bernama	
Media Antarabangsa	
• Utusan Malaysia	
• Berita Harian	
• Harian Metro	
• Kosmo!	
• Sinar Harian	
• The New Straits Times	
• The Sun	
• Nanyang Siang Pau	
• Franchise Asia	
• Malaysia MICE by Tourism Publication	
• OIC Today	
• SME Malaysia by Tourism Publication	
• The Malaysian Reserve	
• Sin Chew Daily	
• Asiawide Franchise	

Editorial

MFA bertanggungjawab melaksanakan editorial bagi sidang media, menyediakan nota ucapan, kenyataan akhbar serta liputan media bagi setiap aktiviti yang dianjurkan oleh MFA. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Sidang Media

MFA telah melaksanakan sidang media yang merangkumi penyediaan nota ucapan, kenyataan akhbar, jemputan media dan lain-lain bagi program seperti jadual di bawah. Butiran lanjut senarai liputan adalah seperti di Lampiran.

TARIKH	PROGRAM
6 Feb	Majlis Pra-Pelancaran FIM2018
3 April	Taklimat Pempamer FIM2018
21 April	Perasmian FIM2018

TARIKH	PROGRAM
22 Mei	Mesyuarat Agung Tahunan 2018 dan Perasmian Malam Anugerah Francais 2018 (MAF2018)

b. Ucapan & Nota Ucapan

Pihak JKK bertanggungjawab untuk menyediakan teks ucapan tetamu kehormat bagi program anjuran MFA dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

PROGRAM	TETAMU KEHORMAT
Majlis Pra-Pelancaran FIM 2018	YB Dato' Henry Sum Agong YBTM, KPDKKK YBhg. Datuk Radzali Hassan Pengerusi MFA
FIM2018 – Taklimat Pempamer	YBhg. Datuk Radzali Hassan Pengerusi MFA
FIM2018 - Perasmian	YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin YBM, KPDKKK YBhg. Datuk Radzali Hassan Pengerusi MFA
AGM2018	YBhg. Datuk Radzali Hassan Pengerusi MFA
Malam Anugerah Francais 2018 (MAF2018)	YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad Perdana Menteri YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail YBM, KPDNHEP YBhg. Datuk Radzali Hassan Pengerusi MFA

c. Laman Sosial

MFA telah mempromosikan semua aktiviti termasuk FIM2018 dan MAF2018, EFDP2018, Teh Tarik Session, Program Latihan serta aktiviti MFA dan Ahli di laman sosial di:

- Facebook/franchiseMalaysia,
- Instagram@franchisemalaysia.
- twitter@FranchiseMY,
- Youtube/MyFranchiseHub,
- LinkedIn/Malaysian Franchise Association

d. E-Franchise Mind

Penerbitan e-Franchise Mind adalah untuk memberi informasi mengenai industri francais, menghebahkan aktiviti MFA serta mempromosikan

ahli MFA. E-franchise Mind ini diterbitkan sebanyak 3 edisi pada tahun 2018 dan diedarkan kepada ahli dan bakal ahli.

e. Iklan

MFA bertanggungjawab untuk merangka dan melaksanakan pelan promosi di media dengan menerbitkan iklan program. Pada tahun 2018, JKK telah menerbitkan iklan program dan iklan terima kasih di akhbar Berita Harian, The China Press, New Straits Times, SME Magazine, Asia Franchise dan Franchise Asia.

f. *Coffee Table Book*

Penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk memaparkan mengenai industri francais bersempena dengan Jubli Perak MFA 25 tahun. Objektif lainnya adalah untuk menjadikan buku ini sebagai sumber ringkas mengenai sejarah industri francais dan kisah kejayaan ringkas fransisor & francaisi dalam dan untuk dijadikan sebagai cenderahati kepada tetamu-tetamu antarabangsa.

JKK telah melantik MFA Franchise Sdn Bhd (MFSB) untuk menguruskan penerbitan buku ini. Selain itu, JKK juga telah mengadakan perbincangan dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan pihak penulis.

Hasil daripada perbincangan tersebut, MFSB telah mengadakan kerjasama dengan pihak DBP dalam penerbitan buku ini. Pihak DBP bersetuju untuk menaja kos reka bentuk, susun atur huruf dan konsultansi dari segi proses dan protokol. Kos lain-lain penerbitan akan ditanggung oleh MFA. Selain itu, En Nadzrin juga telah dilantik sebagai penulis bagi buku ini. Sasaran bagi pelancaran buku ini adalah pada bulan Oktober 2019 semasa Program Malam Anugerah Francois 2019.

PERHUBUNGAN AWAM

MFA telah menyertai beberapa program yang dapat menyampaikan maklumat francais kepada orang awam, untuk mendapatkan keahlian baru serta mempromosikan aktiviti MFA dan ahli-ahlinya.

1. Program Tnggungjawab Sosial Korporat

JKK telah mengadakan program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) bagi membantu golongan asnaf dan anak yatim sempena bulan Ramadhan. Program ini telah diadakan pada 12 Jun 2018 di Masjid Al-Muttaqim, Selayang Pandang, Selangor.

2. Lain-lain Aktiviti Promosi MFA

MFA telah menyertai beberapa siri promosi francais dalam dan luar negara yang melibatkan misi perdagangan, pameran, seminar dan jemputan ceramah. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM
31 Jan – 2 Feb 2018	The 34th International Franchise Show 2018, Japan
6 Feb 2018	Sidang Media dan Pra Pelancaran FIM2018
6 – 8 April 2018	Info Franchise & Business Concept (IFBC), Bandung
20 – 22 Apr 2018	Franchise International Malaysia 2019
30 Jun 2018	Seminar Pendedahan Francois Kelab Komuniti Mantap Teguh Malaysia
12 – 15 Jul 2018	Thailand Franchise And Business Opportunities 2018, Thailand
18 – 22 Jul 2018	Franchise Asia Philippines 2018
19 Jul 2018	Seminar Biz Talk: Business Opportunities with NGO
23 – 27 Ogos 2018	Franchising & Business Opportunities Expo 2018, Australia
12 – 15 Sept 2018	The 15th China Asean Expo 2018
28 Sep 2018	Program Perkongsian Perniagaan Francois IPB
12- 15 Okt 2018	Info Franchise & Business Concept (IFBC), Jakarta
1 – 4 Nov 2018	The 10th Vietnam International Retailtech & Franchise Show 2018
5 – 6 Dec 2018	The Global Franchise Market, Dubai

MFA juga berperanan untuk melaksanakan aktiviti promosi dan penerbitan untuk penjenamaan MFA dan aktiviti anjuran MFA. Sehubungan dengan itu, JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan dan mencetak item promosi seperti buku program, brosur, bunting, banner, billboard, e-buletin dan bahan promosi yang lain.

PEMASARAN

MFA juga berperanan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada ahli, individu dan organisasi lain. Sehubungan dengan itu, MFA melalui JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti seperti:

Konsultansi dan Info Servis

MFA juga berperanan untuk memasarkan produk dan perkhidmatan kepada ahli, individu dan organisasi lain. Sehubungan dengan itu, MFA melalui JKK PPR telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan aktiviti seperti:

Konsultansi dan Info Servis - Berperanan untuk memberikan penerangan mengenai asas perniagaan francais serta mewujudkan hubungan di antara persatuan dengan bakal usahawan yang berpotensi seperti berikut :

Taklimat Mingguan Francais – program ini dilaksanakan setiap Khamis, jam 2.30 petang dan terbuka kepada umum. Program ini dijadikan platform untuk mempromosikan program latihan dan keahlian MFA. Maklumat peserta yang ingin menjadi Francaisi akan dipanjangkan kepada ahli yang terlibat.

Laman Sesawang MFA : Members & Franchise News - Sebanyak 171 artikel atau berita berkaitan industri francais dan ahli telah dimuat naik di dalam portal MFA sepanjang tahun 2018.

Lawatan Pemasaran – Melaksanakan kunjungan pemasaran untuk mendapatkan maklum balas berkenaan aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan serta menawarkan beberapa pakej jualan yang disediakan. MFA telah melaksanakan promosi pemasaran ke 30 buah syarikat sepanjang tahun 2018.

SENARAI LIPUTAN MEDIA TAHUN 2018

MEDIA ELEKTRONIK (TV & Radio)

1. Temuramah & Liputan Berita TV & Radio

LAMPIRAN

TARIKH	MEDIA	TAJUK
1 Feb	Sin Chew Daily	Temubual bersama wakil MFA, En. Mohamad Faizal Abd.Latip
19 Feb	Nanyang Siang Pau	Temubual bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan
18 Mac	TV9	Temubual bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan dan En.Deric Yeo
19 Mac	RTM	Temubual bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan dan ahli MFA, En.Khairul Azman
13 April	BERNAMA RADIO 24	Temubual bersama wakil MFA, En. Amran Shah Idris
16 April	BERNAMA TV	Temubual bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan dan En. Muhamad Shukri Salleh
20 April	RTM	Temubual bersama wakil MFA, Datuk Radzali Hassan dan En. Muhamad Shukri Salleh

PORTAL / LAMAN SESAWANG

MEDIA	TAJUK
BERNAMA	Iklan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018)
MFA	Iklan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018)
KPDNKK	Iklan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018)
iFRANCHISE	Iklan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018)
INTEGRATED INFO	Iklan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018)
ASIA FRANCHISE	Iklan Program Franchise International Malaysia 2018 (FIM2018)

BERITA ONLINE

TARIKH	SURAT KHABAR	TAJUK
21 Februari 2018	BERNAMA	MFA sasar transaksi bernilai RM370 juta pada FIM 2018 MFA targets RM370 mln transaction for FIM 2018
Februari 2018	Utusan Borneo Online	65 home-grown franchise brands make global forays Industri francais membawa 65 jenama tempatan ke luar negara Jenama tempatan ke luar negara
		Industri francais membawa 65 jenama tempatan ke luar negara 65 home-grown franchise brands make global forays
		Kumpulan Karangkraf
	Daily Express	Industri francais membawa 65 jenama tempatan ke luar negara
	MY Stock 118	65 home-grown franchise brands make global forays
	New Sabah Times	65 home-grown franchise brands make global forays
	OANA	65 home-grown franchise brands make global forays
	World News.com	65 home-grown franchise brands make global forays
	Sinar Harian	65 jenama ke luar negara
	Nusantara Daily	65 jenama ke luar negara
	USarawak	65 jenama ke luar negara
	Berita Harian	851 syarikat berdaftar dengan KPDKKK FIM2018 sasar pelaburan RM370 juta Malaysia hab francais Asia Tenggara 2020
		Sarawakiana
		CariGold
	Gerbang Post	FIM2018 sasar pelaburan RM370 juta
	Nanyang Siang Pau	851 franchise brand registered with KPDKKK
	Harian Metro	Sasar jadi hab francais Asia Tenggara menjelang 2020
Mac 2018	OANA	FIM2018 to attract over RM370 mln in franchise investment
	Nanyang Siang Pau	Malaysian brand gone international
April 2018	Daily Express	26 M'sian franchise firms successfully penetrate Indo Mart INSP attracts foreign firms
		Malaysia aims to be regional franchise hub by 2020 Malaysia sasar jadi hab francais serantau bagi Asia Pasifik menjelang 2020
	BERNAMA	FIM2018 dijangka tarik pelaburan Francois lebih RM370 juta FIM2018 to attract over RM370 mln in franchise investment FIM2018 catat potensi urus niaga RM410 juta FIM2018 records potential franchise transaction value of RM410 mln
		FIM2018 to attract over RM370 mln in franchise investment
		Franchise contribution to GDP

TARIKH	SURAT KHABAR	TAJUK
May 2018	Sin Chew Daily	Malaysia aims to be regional franchise hub by 2020
	New Straits Times	FIM2018 records potential franchise transaction value of RM410 million
		Malaysia's franchise industry is expected to grow five per cent this year
		10pc rise in potential deal value
	Malaysian Reserve	Franchise sector to provide RM35b to GDP
	Sinar Harian	Lapan syarikat di bawah PNS serta FIM2018
	Kosmo!	FIM2018 catat urus niaga RM410 juta
	Sinar	FIM2018 catat urus niaga RM410 juta
	NAM News Network	MALAYSIA: FIM2018 records potential franchise transaction value of RM410 million
	Borneo Post Online	Malaysia aims to be regional franchise hub by 2020
	Malaysia 1 News	Malaysia sasar jadi Hab Francais serantau menjelang 2020
	Berita Harian	Industri francais dijangka lonjak KDNK 5 peratus
		FIM2018 diunjur raih pelaburan RM370 juta
August 2018	BERNAMA	MFA targets 10 pct growth in franchise industry by year-end
		MFA unjur industri francais berkembang 10 peratus tahun ini
	Borneo Post	MFA unjur industri francais berkembang 10 peratus tahun ini
	KOSMO	Industri francais dipacu oleh pengembangan perniagaan domestik, luar negara, pertumbuhan 10% tahun ini
	Berita Harian	Industri francais dijangka berkembang 10 peratus
September 2018	BERNAMA	Australia presents a growing opportunity for Malaysian franchisors
		Australia tawar peluang besar kepada francisor Malaysia
	Malaymail	Dr. M: Market nasi lemak, tosei, dim sum globally via franchise
	BERNAMA	Market Nasi lemak globally via franchise
		Pasarkan nasi lemak, tosei, dim sum ke seluruh dunia secara francais
	Sinar Harian	Pasarkan nasi lemak, tosei, dim sum ke seluruh dunia secara francais
	Mediacorp	Pasarkan nasi lemak, tosei, dim sum ke seluruh dunia secara francais
	The Malaysian Times	Dr. M: Market nasi lemak, tosei, dim sum globally via franchise
November 2018	BERNAMA	FIM2019 eyes RM400 mln investment
		FIM2019 sasar pelaburan RM400 juta

5.0 LAPORAN PENYELIDIKAN & PENDIDIKAN

JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN DAN PENDIDIKAN

Objektif

bertanggungjawab merancang dan melaksanakan projek - projek latihan dan pendidikan kepada ahli - ahli dan menyelenggarakan pusat maklumat mengenai Industri Francais untuk faedah ahli-ahli.

Pengerusi

YBrs. Prof. Madya Dr. Azmawani Abd. Rahman
(Universiti Putra Malaysia)

Naib Pengerusi

En. Kevan Ong Kin Wye
(Smart Reader Worldwide Sdn Bhd)

Ahli-ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)

En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)

En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)

Cik Nur Hafizatal Ain Abdul Halim (Sekretariat)

AKTIVITI PENYELIDIKAN

Kajiselidik Maklumbalas Tahap Kepuasan Ahli

Kajiselidik ini diadakan bagi mendapatkan maklumbalas kepuasan dalam menjadi ahli persatuan. Antara tujuan utama kajiselidik ini diadakan adalah untuk mengenalpasti tahap kepuasan ahli berhubung perkhidmatan yang disediakan oleh persatuan. Maklumbalas ini seterusnya akan dijadikan input dalam strategi penambahbaikan perkhidmatan kepada para ahli. Kesimpulan dari kajian ini, 34 ahli aktif telah menjawab kajiselisik maklumbalas untuk tahun 2018.

Kajian Profil Industri Francais Malaysia

Jawatankuasa telah mengadakan perbincangan dengan pihak UPM dan Spire Research & Consulting bagi menjalankan kajian profiling francais nasional pada 12 April 2018. Pihak Mesyuarat FRANEX telah meluluskan kajian ini yang telah dibentang di dalam mesyuarat Bil.2/2018 pada 26 Jun 2018 dan bersetuju supaya MFA menubuhkan JK Teknikal dan JK Induk bagi melaksanakan program ini. Kajian ini akan melibatkan semua ahli dan bukan ahli. Kajian ini bakal siap pada Mei 2019 dan laporan akhir akan dibentangkan di dalam Mesyuarat FRANEX.

Kajian Tri-sektor

Jawatankuasa bersama dengan Spire Research telah menjalankan 3 kajian pasaran bagi sektor pendidikan awal kanak-kanak, penyelenggaraan bangunan dan dobi untuk 14 negara di Asia. Kajian ini telah siap pada

pertengahan Ogos 2018. Hasil daripada kajian menunjukkan statistik negara yang paling tinggi untuk pendidikan awal kanak-kanak ialah Singapura manakala untuk dobi dan penyelenggaraan bangunan ialah China. Senarai negara adalah seperti berikut:

SENARAI NEGARA	
1. Brunei	8. Philippines
2. Cambodia	9. Singapura
3. China	10. Thailand
4. India	11. Vietnam
5. Indonesia	12. Japan
6. Malaysia	13. South Korea
7. Myanmar	14. Laos

Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2018

MFA telah melaksanakan gerak kerja bagi persidangan FIM2018 pada Januari 2018. Persidangan kali ini melibatkan 5 sesi plenari yang terdiri daripada 9 orang pembentang di mana 6 orang pembentang tempatan dan 3 orang pembentang dari luar negara. Sebanyak 182 peserta telah hadir bagi persidangan kali ini. Tema persidangan FIM2018 adalah *Leaps Beyond The Limit* yang berfokuskan perantarabangsaan.

Anugerah Francais Malaysia 2018

Jawatankuasa telah melaksanakan gerak kerja bagi AFM2018 pada April 2018. Jawatankuasa selesai menjalankan proses penilaian anugerah pada tahun ini pada 5 September 2018 yang lalu. Seramai 24 orang panel penilai daripada pelbagai agensi berkaitan telah terlibat dalam penilaian tersebut. Hasil penilaian tersebut telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih pada 13 September 2018. Keputusan tersebut telah diumumkan dan disampaikan oleh YAB Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia dan YB Dato' Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Negeri (KPDNHEP) pada Malam Anugerah Francais Malaysia yang telah berlangsung pada 18 September 2018, di Putrajaya Mariot Hotel, IOI Resort City.

Laporan Pasaran Antarabangsa

Laporan Penyelidikan Pasaran Antarabangsa bagi pelbagai industri dan sektor telah disediakan bagi keperluan ahli yang ingin memasarkan sistem francais mereka ke luar negara. Terdapat sebanyak 200 laporan Pasaran Antarabangsa yang boleh didapati di MFA dan laman web EFDP. Laporan ini adalah percuma kepada ahli MFA.

PENDIDIKAN

Taklimat Mingguan Francais

Taklimat Mingguan Francais diadakan pada setiap hari Khamis bermula jam 2.30 petang di pejabat MFA adalah bertujuan untuk memberikan penerangan ringkas dan pengenalan mengenai perniagaan francais di Malaysia kepada masyarakat umum. Para peserta yang hadir ke MFAa adalah bakal francaisor & francaisi yang berminat dengan perniagaan francais. Pihak secretariat akan memaklumkan kepada francaisor bagi para pengunjung yang berminat dengan perniagaan mereka. Pada tahun 2018, sebanyak 22 sesi telah diadakan dengan dihadiri seramai 51 peserta berbanding 29 peserta pada tahun 2017.

Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa

Sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa diadakan untuk berkongsi maklumat pasaran, maklumat kemasukan perniagaan francais dan maklumat lain yang berkaitan mengenai negara yang akan dikunjungi semasa Misi Perdagangan Antarabangsa. TUJUH (7) sesi Taklimat Pemasaran Antarabangsa telah dilaksanakan seperti berikut:

TARIKH	NEGARA	LOKASI
8 Januari 2018	Jepun	MATRADE
27 Mac 2018	Indonesia	PNS
3 Julai 2018	Thailand	PNS
7 Ogos 2018	Australia	KPDNHEP
22 Oktober 2018	Vietnam	KPDNHEP
14 November 2018	Indonesia	KPDNHEP
21 November 2018	United Arab Emirates (UAE)	MPC

Kursus Asas Perniagaan Francais (KAPF)

Objektif program ini adalah untuk memberi peluang dan pengetahuan kepada bakal-bakal penggiat francais mengenai aspek-aspek asas dan kaedah penilaian daya-maju sesebuah perniagaan francais. Program ini turut menyediakan sesi perkongsian pengalaman bersama pihak francaisor dan francaisi terdiri daripada ahli – ahli MFA yang mana secara tidak langsung merupakan peluang mempromosikan perniagaan mereka kepada peserta yang hadir. Selain penglibatan francaisor dan francaisi dalam program ini, para penceramah yang dijemput juga terdiri daripada ahli persatuan seperti perunding- perunding francais, firma guaman dan wakil-wakil daripada institusi kewangan.

TARIKH & LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
24 - 25 Februari 2018 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd 2. Arjuna Food Management
30 Jun - 1 Julai 2018 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd 2. City Coin Laundry Sdn Bhd 3. Arjuna Food Management 4. FT Consulting & Method Sdn Bhd 5. Intellect Franchising Sdn Bhd 6. Teh Tarik Place Sdn Bhd
29-30 September 2018 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Global Art & Creative Sdn Bhd. 2. Intellect Franchising Sdn Bhd 3. Messrs Damian S.L Yeo & LC Goh 4. Teh Tarik Place Sdn Bhd
10-11 November 2018 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd 2. Arjuna Food Management 3. Revenue Valley Sdn Bhd 4. Teh Tarik Place Sdn Bhd

International Franchise Management Certificate Course (IFM)

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu, dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PENGLIBATAN AHLI
30 Jun – 1 Julai 2018 Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur	1. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd 2. Messrs Wong Jin Nee & Teoh 3. Revenue Valley Sdn Bhd
16 – 17 Disember 2018 Hotel Istana Kuala Lumpur	1. Arjuna Food Management 2. Delta Franchise System 3. Messrs Wong Jin Nee & Teoh 4. Revenue Valley Sdn Bhd

Grow Your Franchise Certificate Course (GYF)

Objektif program ini adalah untuk memberi pendedahan awal kepada para usahawan francais mengenai aspek-aspek asas di dalam sistem francais sebelum ke menjalankan perniagaan ke luar negara. Selain itu,

dengan adanya kursus ini ia dapat membantu golongan ini untuk menjadi lebih bersedia dari pelbagai aspek sebelum melibatkan diri dengan dunia perniagaan antarabangsa. Program tersebut telah diadakan seperti butiran berikut:

TARIKH & LOKASI	PROGRAM
28 – 29 April 2018 Hotel Vistana Kuala Lumpur	1. Arjuna Food Management 2. FT Consulting & Method Sdn Bhd 3. Khalek Awang & Associates 4. Kopitiam Asia Pacific Sdn Bhd
11-12 Ogos 2018 Hotel Seri Pacific Kuala Lumpur	1. Franchise Channel (M) Sdn Bhd 2. Intellect Franchising Sdn Bhd 3. Khalek Awang & Associates

6.0 LAPORAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Objektif

Bertanggungjawab menangani dan memantau isu-isu semasa ahli di dalam aspek pembangunan perniagaan francais dan industri secara khusus seperti kewangan, premis, keusahawanan dan pembangunan produk melalui intergrasi setiap ahli agensi kerajaan, korporat dan usahawan di samping mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui aktiviti yang dilaksanakan bertujuan bagi mengukuhkan dana MFA.

Pengerusi

Dato Ir. Rohaizi bin. Mohd Jusoh
(Koperasi Staf CIDB Malaysia Berhad)

Naib Pengerusi

En. Mazlan Ibrahim
(Perbadanan Nasional Berhad)

Ahli – ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
En. Wan Muhammad Zainal Wan Yahya (Sekretariat)
Cik Nurizzatul Faiqah binti Rohaizat (Sekretariat)

PROGRAM KERJASAMA

Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan perniagaan francais, MFA telah memberi cadangan, maklumbalas dan bekerjasama dengan pelbagai Kementerian, agensi kerajaan dan pihak swasta bagi mendedahkan

dan menangani isu-isu berkaitan perniagaan francais. Butiran program kerjasama adalah seperti berikut:

a) Mesyuarat Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum– Industri Makanan & Minuman (F&B)

MFA telah menghadiri Mesyuarat Pelaksanaan Dasar Harga Terangkum– Industri Makanan & Minuman (F&B) pada 16 Januari 2018 di KPDNHEP. Mesyuarat telah dihadiri oleh Wan Muhammad Zainal Wan Yahya dan wakil francaisor Puan Dawn Liew dari Kopitiam Asia Pasifik Sdn Bhd.

b) Mesyuarat Penyelarasan Data Dan Maklumat Francaisor Di Dalam Dan Luar Negara

MFA telah menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Data Dan Maklumat Francaisor Di Dalam Dan Luar Negara pada 18 Julai 2018 bertempat di Bahagian Pembangunan Francais (BPF), KPDNHEP. Mesyuarat telah dihadiri oleh Pengurus Perancangan Strategik, En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya.

c) Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Induk Malam Anugerah Francais 2018 (MAF 2018)

MFA telah menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Jawatankuasa Induk Malam Anugerah Francais 2018 di KPDNHEP untuk perbincangan perkembangan Malam Anugerah Francais 2018 yang akan diadakan pada 18 September 2018.

d) Mesyuarat Bersama Koperasi Belia Nasional Berhad

MFA telah mengadakan mesyuarat bersama Koperasi Belia Nasional Berhad yang merupakan ahli potensi kepada MFA pada 25 September 2018 di Bilik Mesyuarat MFA.

e) Mesyuarat Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (Malaysia Services Development Council – MSDC)

MFA telah menghadiri Mesyuarat Majlis Pembangunan Perkhidmatan Malaysia (Malaysia Services Development Council – MSDC) Bil 1/2018 anjuran Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Perindustrian (MITI) pada 14 Disember 2018. Mesyuarat telah dihadiri oleh En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya, Pengurus Perancangan Strategik, MFA.

f) Malaysian Productivity Corporation (MPC)

MFA telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Produktiviti Nexus yang bertanggungjawab untuk memberi tumpuan kepada asas pelaksanaan inisiatif produktiviti; bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan seperti badan penyelidikan dan agensi kerajaan dan berkongsi amalan terbaik; memperkenalkan mekanisme bantuan diri; dan menyediakan sokongan teknikal kepada perusahaan.

Disokong oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Nexus Produktiviti akan menyediakan pakar produktiviti sektor tertentu dan membantu perusahaan dengan menolong mereka mendiagnosis bidang untuk ditambah baik dan menyokong pelaksanaan penyelesaian produktiviti. Hasil sasaran bagi setiap Nexus Produktiviti adalah untuk mengukuhkan kerjasama rakan kongsi antara akademi, syarikat besar dan PKS; serta mempunyai ekosistem e-dagang yang maju. Inisiatif ini juga akan menarik lebih ramai pekerja berkemahiran teknologi, meningkatkan tahap produktiviti melalui pekerja bersedia dan berkemahiran masa depan, dan menyemai budaya minda produktiviti dalam kalangan pekerja. Setiap Nexus Produktiviti disokong oleh ketua industri yang juga berperanan sebagai pengurus bebas bagi memastikan pelaksanaan berjaya bagi inisiatif sektor di bawah MPB. Jawatankuasa pentadbiran bertanggungjawab atas arah strategik dan pengesahan bagi aktiviti MPB.

Mesyuarat yang dihadiri bagi Jawatankuasa ini pada tahun 2018 adalah seperti berikut:

- i. MFA telah menghadiri Mesyuarat *Governing Committee Nexus Productivity for Retail and F&B Bil 2/2018* pada 18 September 2018 di MPC, Petaling Jaya, Selangor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya, Pengurus Perancangan Strategik MFA.
- ii. MFA telah menghadiri Mesyuarat *Governing Committee Nexus Productivity for Retail and F&B Bil 3/2018* pada 13 Disember 2018 di MPC, Petaling Jaya, Selangor. Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Datuk Radzali Hassan, Pengurus MFA dan juga En Wan Muhammad Zainal Wan Yahya, Pengurus Perancangan Strategik MFA.

g) Program “Site Selection...Location”

Pihak MFA telah dijemput ke program “**Site Selection...Location**” anjuran Perbadanan Nasional Berhad (PNS) di Menara PNS pada 19 September 2018.

h) Franchise Licensing Asia 2018 (FLA 2018)

Persatuan Francais Malaysia (MFA) telah menghadiri program Franchise Licensing Asia 2018 (FLA2018) yang diadakan di Singapore pada 18 Okttober 2018. MFA turut menandatangani perjanjian persefahaman (MOU) di antara *Franchise and Licensing Association (Singapore)* bagi menjalankan program francais secara kerjasama dengan persatuan tersebut. Program ini telah dihadiri oleh Mr Sam Siew Pak Kuang yang merupakan Ahli Jawatankuasa Utama MFA.

PROGRAM PENGUKUHAN PEMBANGUNAN FRANCAIS UNTUK MENINGKATKAN EKSPORT (EFDP)

MFA dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah melaksanakan Program Pengukuhan Pembangunan Francais Untuk Meningkatkan Eksport. MFA merupakan badan pelaksana bagi program EFDP dari tahun 2015 sehingga 2020. Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk membantu para francais tempatan mengembangkan perniagaan ke peringkat antarabangsa. Di samping untuk membina keupayaan untuk membangunkan francais ke pasaran antarabangsa. Berikut merupakan butiran lanjut mengenai Program Pengukuhan Pembangunan Francais yang dilaksanakan sepanjang tahun 2018:

Mesyuarat Franex

Mesyuarat Jawatankuasa *Franchise Export (FRANEX)* yang dipengerusikan oleh KPDNHEP dan MFA telah diadakan sebanyak 3 kali pada tahun 2018. Jawatankuasa *Franchise Export (FRANEX)* ini dianggotai oleh tujuh (7) organisasi iaitu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Persatuan Francais Malaysia (MFA), *Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)*, Perbadanan Nasional Berhad (PNS) dan juga *Intellectual Property Corporation of Malaysia (MyIPO)*. Butiran mesyuarat adalah seperti berikut:

TARIKH	MESYUARAT
11 Jan 2018	Mesyuarat JK FRANEX Bil 1/2018
26 Jun 2018	Mesyuarat JK FRANEX Bil 2/2018
20 Dis 2018	Mesyuarat JK FRANEX Bil 3/2018

Pembangunan Infrastruktur

a) Pembangunan Portal EFDP

Pembangunan portal EFDP merupakan salah satu program pembangunan infrastruktur di bawah EFDP yang dilaksanakan pada tahun 2017. Sehubungan itu, satu Jawatankuasa Perolehan EDPP dibentuk bagi tujuan ini dan ahli-ahlinya terdiri daripada daripada wakil KPDNNK, MFA dan juga PNS. Jawatankuasa perolehan telah melantik Application Universe Sdn Bhd sebagai vendor rasmi bagi tempoh 2017/2020. Pembangunan portal telah siap sepenuhnya dan boleh digunakan oleh orang ramai. Alamat portal EFDP adalah efdp.mfa.org.my.

b) Langganan Emel Pemasaran

Bagi melancarkan lagi promosi program EFDP, MFA telah menggunakan perisian emel pemasaran Getresponse.

c) Langganan Perisian Khidmat Pesanan Ringkas

Bagi memudahkan komunikasi penyampaian maklumat berkenaan program EFDP di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, MFA telah melanggan Perisian Khidmat Pesanan Ringkas SMSBlast.com.

d) Langganan Perisian SurveyMonkey

Bagi melancarkan lagi pengurusan menganalisis data dan maklum balas pelanggan, pihak MFA telah melanggan perisian SurveyMonkey pada awal bulan Oktober 2018. Tempoh langganan perisian ini adalah selama satu (1) tahun.

Pemasaran

a) Specialised Business Mission (SBM)

SBM adalah program padanan perniagaan yang dilaksanakan semasa program Misi Perdagangan berlangsung. Melalui program ini, MFA bertanggungjawab untuk mendapatkan potensi pelabur bagi syarikat yang menyertai Misi perdagangan tersebut. Ringkasan program adalah seperti berikut:

TARIKH	PROGRAM	BIL SESI
29 Jan – 2 Feb 2018	Japan International Franchise Show (JIFS 2018) di Tokyo, Japan	123 sesi

TARIKH	PROGRAM	BIL SESI
4-9 Apr 2018	Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC 2018) di Bandung, Indonesia	78 sesi
12-15 Jul 2018	Thailand Franchise & Business Opportunities (TFBO 2018) di Bangkok, Thailand	67 sesi
25 – 26 Ogos 2018	Franchise Business & Opportunities Expo (FBO 2018) di Melbourne, Australia	43 sesi
12-15 Sep 2018	The China-ASEAN Expo (CAEXPO 2018) di Nanning, China	Tiada penyertaan oleh MFA
1-3 Nov 2018	Vietnam International Retail & Franchise Show (VIETRF 2018) di Ho Chi Minh, Vietnam	55 sesi
23-25 Nov 2018	Info Franchise & Business Concept Expo (IFBC 2018) di Jakarta, Indonesia	96 sesi
5-6 Dis 2018	The Global Franchise Market (TGFM 2018) di Dubai, UAE	80 sesi

b) Bantuan Jurubahasa

Bantuan Jurubahasa telah disediakan dibawah program EFDP bagi memudahkan komunikasi dua hala dilaksanakan semasa Misi Perdagangan berlangsung. Butiran lanjut adalah seperti berikut :

Tarikh	Program
29 Jan – 2 Feb 2018	Japan International Franchise Show (JIFS 2018)
12-15 Julai 2018	Thailand Franchise & Business Opportunities (TFBO 2018)
1-3 November 2018	Vietnam International Retail & Franchise Show (VIETRF 2018)

Bantuan Kewangan

Penyediaan bantuan kewangan kepada penggiat francis dalam aspek kewangan untuk menembusi lebih banyak pasaran antarabangsa berdasarkan kepada syarat tertentu. Terdapat 2 kategori bantuan kewangan iaitu Program FAST dan Program FORWARD.

1. Bantuan Kewangan Program *Franchisor's Accelerate and Strategic Trade (FAST)*

Program FAST yang merupakan program yang direka khas untuk Francisor yang telah mengembangkan perniagaan francais ke Luar negara bagi meneroka peluang perniagaan francais mereka di negara-negara maju atau berpotensi tinggi.

- a) **Penyertaan Pameran Francais di Negara Maju - "THE 34th JAPAN INTERNATIONAL FRANCHISE EXHIBITION 2018 (JIFS 2018) pada 29 Januari sehingga 2 Februari 2018.**

Tujuan utama penyertaan ke JIFS 2018 adalah untuk membantu syarikat francais Malaysia mengembangkan perniagaan dan membina permintaan terhadap produk dan perkhidmatan jenama Francais Malaysia di Jepun dan juga Korea. Program ini dilihat sebagai platform kepada penggiat industri francais untuk mengenal pasti pasaran dan permintaan jenama francais Malaysia di Jepun. Penyertaan KPDKKK dan MFA dalam program JIFS 2018 ini merupakan penyertaan yang pertama sepanjang program Franchise & Trade Exhibition ini diadakan di Jepun.

Pameran JIFS 2018 yang telah diadakan pada 31 Januari hingga 2 Februari 2018 di Tokyo Big Sight, Tokyo, Jepun ini telah disertai sejumlah 113 pemamer dari 10 buah negara termasuk Malaysia. Antara negara yang menyertai program ini ialah Filipina, Hong Kong, China, Korea Selatan, Indonesia, Singapura, dan Amerika Syarikat. MFA serta lapan (8) syarikat francais Malaysia dihimpunkan di bawah satu bumbung iaitu Pavilion Francais Malaysia.

Lapan syarikat francais tersebut adalah Marrybrown Sdn Bhd (Makanan), Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan FISH MARKET) (Makanan), Global Art & Creative Sdn Bhd (Global Art) (Pembelajaran Kreatif), City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundry Bar) (Sistem Dobi), Bangi Kopitiam Sdn Bhd (Restoran), Poney Resources Sdn Bhd (Pakaian Kanak-Kanak), Smart Reader Worldwide Sdn Bhd (Pembelajaran Kanak-Kanak) dan Rotiboy Sdn Bhd (Bakeri).

Nilai potensi jualan yang dicatatkan sepanjang tiga (3) hari pameran berlangsung adalah berjumlah RM87,575,000.00 melalui rundingan awal dengan 123 bakal francaisi berpotensi. Francisor juga telah mendapat sambutan dari luar seperti pelabur dari China, Russia, Korea dan Indonesia. Statistik ini menunjukkan satu pencapaian yang memberangsangkan di mana ia menunjukkan

bahawa terdapat peluang bagi mengembangkan perniagaan francais Malaysia ke Asia Timur melalui pasaran Jepun.

Hasil daripada pameran *THE 34th JAPAN INTERNATIONAL FRANCHISE EXHIBITION 2018* (JIFS 2018), syarikat francais Malaysia iaitu Marrybrown Sdn Bhd telah berjaya membuka satu outlet di negara Jepun.

- b) **Penyertaan Pameran Francais di Negara Maju - "THE GLOBAL FRANCHISE MARKET (TGFM 2018) di Dubai, UAE pada 5-6 Disember 2018.**

Merupakan salah satu Program EFDP untuk mempromosikan francais tempatan ke Negara Maju. Pemilihan Dubai adalah untuk membantu syarikat francais Malaysia mengembangkan perniagaan dan membina permintaan terhadap produk dan perkhidmatan jenama Francais Malaysia di UAE dan ke negara-negara GCC . Program ini dilihat sebagai platform kepada penggiat industri francais untuk mengenal pasti pasaran dan permintaan jenama francais Malaysia di UAE.

Pavilion Francais Malaysia terdiri daripada 8 syarikat francais iaitu Marrybrown Sdn Bhd (Makanan), Revenue Valley Sdn Bhd (The Manhattan FISH MARKET) (Makanan), Secret Recipe Cakes & Cafe Sdn Bhd (Makanan), City Coin Laundry Sdn Bhd (Laundry Bar) (Sistem Dobi), Poney Garments Sdn Bhd (Pakaian), Smart Reader Worldwide Sdn Bhd (Smart Reader) (Pendidikan), Rowenda Kitchen Sdn Bhd (Rowenda) (Penyediaan Rumah) dan Permodalan Kelantan Berhad (Ar-Rahn) (Sistem Gadaian Islam).

Nilai potensi pelaburan francaisi keseluruhan yang berjaya dicatatkan adalah berjumlah RM 132,450,000.00. Francisor juga telah mendapat sambutan dari pelabur luar seperti negara Arab Saudi, Qatar, Oman, Lebanon, Turki, Iran, Myanmar, India dan Pakistan. Statistik ini menunjukkan satu pencapaian yang memberangsangkan di mana ia menunjukkan bahawa terdapat peluang bagi mengembangkan perniagaan francais Malaysia ke Negara-negara teluk melalui pasaran Arab Saudi.

Hasil daripada pameran *THE GLOBAL FRANCHISE MARKET* (TGFM 2018), beberapa syarikat masih dalam perbincangan dengan para pelabur daripada UAE.

c) Pembangunan Produk Francais Antarabangsa yang kedua

Geran bagi Pembangunan Produk Francais Antarabangsa yang kedua adalah bagi menggalakan perkembangan sistem francais jenama Malaysia menembusi pasaran antarabangsa yang mempunyai pelbagai budaya dan segmen pasaran yang berbeza. Geran ini telah diberikan kepada Syarikat Revenue Valley Sdn Bhd yang dikenali dengan jenama The Manhattan FISH MARKET yang terkenal dengan hidangan makanan laut telah mewujudkan satu lagi jenama francais iaitu New York Steak Shack bagi memenuhi permintaan pasaran makanan berasaskan daging. Geran yang diberikan adalah berjumlah sebanyak RM 100,000.00.

2. Bantuan Kewangan Program *Franchise Ongoing Rating with Assessment & Reimbursement Deliverables (FORWARD)*

Program FORWARD merupakan program yang direka khas bagi *Export Ready Francaisor* bagi mengembangkan perniagaan francais mereka ke peringkat antarabangsa. Antara bantuan ayng disediakan adalah seperti berikut:

- a) Ujian Makmal untuk Makanan & Kosmetik
- b) Penterjemahan Bahan Pemasaran
- c) Penambahbaikan kepada Manual Operasi
- d) Pendaftaran Cap Dagangan
- e) Penyediaan Perjanjian Francais

Semua syarat dan kelayakan geran boleh diadpati di laman sesawang EFDP (<http://efdp.mfa.org.my>).

7.0 LAPORAN RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

JAWATANKUASA KECIL RUNDINGCARA & KEBAJIKAN

Objektif

Bertanggungjawab memberi khidmat kaunseling, menjaga kebajikan ahli serta mengambil tindakan menjalankan timbangtara dalam sesuatu konflik sesama ahli.

Pengerusi

En. Neoh Eng Kee
(*Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners*)

Ahli-ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(*Franchise Channel (M) Sdn Bhd*)
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
Pn. Zuraida Jomri (Sekretariat)
Cik Nabila Syafifi Rosslan (Sekretariat)

RUNDINGCARA

Klinik francais dilaksanakan berdasarkan kepada keperluan kes dan aduan rasmi yang diterima oleh Jawatankuasa. Khidmat kaunseling ini hanya diberikan kepada ahli MFA sahaja. Kebanyakan kes yang dilaporkan melibatkan pelbagai isu dari permasalahan yang wujud antara francaisor dan francaisi.

Pihak MFA akan terlebih dahulu meneliti samada kes-kes yang dilaporkan itu melibatkan Akta Francois 1998, amalan etika perniagaan atau kelakuan profesional seseorang ahli, seterusnya menyiasat kes yang dikemukakan dan merujuk kes-kes tersebut kepada agensi-agensi berkaitan seperti KPDNKK, PNS dan sebagainya. Sepanjang tahun 2018, 2 kes telah dikemukakan kepada MFA. Antara isu-isu yang dikemukakan adalah seperti isu kebersihan outlet franchisi dan isu hak wilayah antara francaisor dan francaisi.

KEBAJIKAN

Surat Sokongan

Terdapat 5 permohonan sokongan berkenaan khidmat nasihat dan sokongan sepanjang tahun 2018 daripada ahli. Antara isu-isu yang diterima seperti sokongan untuk mendapatkan kad perjalanan perniagaan, pengesahan sebagai ahli persatuan, dan pengesahan sebagai panel konsultansi

Pemberian Rebet Baucher Keahlian

Pemberian rebet baucher telah diberikan kepada ahli di mana baucher bernilai RM400 telah diberikan kepada Ahli Biasa, rebet baucher bernilai RM200 telah diberikan kepada Ahli Bersekutu dan rebet baucher bernilai RM50 telah diberikan kepada Ahli Francois. Baucher-baucher tersebut boleh digunakan untuk sebarang aktiviti atau program yang dianjurkan oleh MFA sepanjang tahun 2018.

8.0 LAPORAN PROGRAM PERSIDANGAN & PAMERAN FRANCHISE INTERNATIONAL MALAYSIA 2018 (FIM2018)

JAWATANKUASA PENGANJUR FIM2018

Objektif

Program ini adalah bertujuan untuk menyokong usaha kerajaan untuk mempromosi dan meningkatkan lagi industri francais negara, melahirkan lebih ramai usahawan francais di Malaysia, memberi peluang kepada penggiat francais untuk mempromosikan lagi perniagaan francais di Malaysia & Antarabangsa serta memberikan pengetahuan dan pendidikan.

Pengerusi:

En. Amran Shah Idris
(Myhomme Group Resources .M. Sdn Bhd)

Pengerusi Persidangan

Prof Madya Dr Azmawani binti Abdul Rahman
(Universiti Putra Malaysia)

Ahli-Ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
Pn. Nurul Akmal Hassan
(BPF – KPDNKK)
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)
En. Abdullah Abu (Sekretariat)

MAKLUMAT PROGRAM

Program	Pameran dan Persidangan Antarabangsa Malaysia 2018
Tarikh	20 – 22 April 2018 (Jumaat – Ahad)
Masa	10.00 pagi – 6.00 petang
Tempat	Dewan 4, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)
Tetamu Kehormat	YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin Menteri PDNKK

PENCAPAIAN PROGRAM

Penganjuran program FIM2018 telah dilaksanakan dengan jayanya dan mendapat maklumbalas yang memberansangkan. Berikut adalah pencapaian yang diperoleh pada program FIM2018:-

Bilangan ruang pameran : 122 ruang pameran
Jumlah pemamer : 88 syarikat
Jumlah transaksi : RM410 juta
Bilangan pengunjung : 10,551 pengunjung

PAMERAN

Pada tahun 2018, terdapat sebanyak 122 ruang pameran melibatkan 97 ruang pameran tempatan dan 25 ruang pameran antarabangsa.

FIM2018 telah menarik minat pengunjung tempatan dari serata Malaysia dan pengunjung dari 9 buah negara luar dan diantaranya adalah daripada Brazil, China, Indonesia, Singapura & Korea Selatan.

PERSIDANGAN ANTARABANGSA FIM2017

Program ini telah diadakan pada 21 April 2018, bertempat di Dewan 3, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan telah berjaya mendapatkan sebanyak 193 penyertaan. Seramai 9 orang

pembentang kertas kerja telah terlibat dalam persidangan kali ini. Para peserta yang mengikuti program ini telah diberikan pendedahan mengenai perkembangan industri francais khususnya di peringkat global. Berikut adalah senarai penceramah bagi program Persidangan Antarabangsa FIM2018 :

BIL	NAMA PENCERAMAH	ORGANISASI
1.	Jeffrey Bahar	Spire Research & Consulting, Indonesia
2.	Hsien Naidu	Astreem Consulting, Singapore
3.	Deric Yeo	Revenue Valley Sdn Bhd
4.	Kairul Azman	Marrybrown Sdn Bhd
5.	Terry Lim	Global Art & Creative Sdn Bhd
6.	Prof Madya Dr. Mohd Hizam Hanafiah	Universiti Kebangsaan Malaysia
7.	Wong Jin Nee	Wong Jin Nee & Teo
8.	Adly Gamgoum	Prestige Franchising Ltd, United Kingdom
9.	Saravanan Rasaratnam	Green & Smart

SESI PEMADANAN PERNIAGAAN

Sesi pemandangan perniagaan akan disediakan untuk para pemamer di mana mereka akan dibekalkan dengan senarai potensi yang berminat dengan pakej francais mereka. Sebanyak 324 sesi pemandangan perniagaan diadakan yang melibatkan seramai 164 orang peserta dan 49 syarikat.

FRANCHISE IN-BUYING MISSION

Program kerjasama dengan MATRADE ini melibatkan sesi pemandangan yang disediakan untuk para pemamer tempatan (francisor berdaftar) dengan para pelabur yang dijemput khusus dari luar negara. Seramai 16 pelabur dari 11 buah negara telah hadir untuk sesi ini. Antara negara yang hadir adalah Poland, Russia, Sweden, Maldives, Arab Saudi, Belgium, Indonesia, Vietnam, Philipina, Sri Lanka dan Serbia.

MALAM RESEPSI

Program ini telah diadakan pada 21 April 2018 untuk meraikan dan sebagai tanda penghargaan kepada pemamer. Tetamu kehormat pada Majlis ini adalah YB Dato' Seri Hamzah Bin Zainudin Menteri PDNKK

9.0 LAPORAN PROGRAM MALAM ANGERAH FRANCAIS 2018 (MAF2018)

JAWATANKUASA PENGANJUR MAF2018

Objektif

Program ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada penggiat francais yang menunjukkan prestasi cemerlang di dalam sektor francais bagi tahun 2018. Selain itu, program ini juga akan dapat mengeratkan perhubungan di kalangan ahli di samping mengumpul dana untuk MFA.

Pengerusi:

Dr. Mokhraznim Mokhtar
(Bank Kerjasama Rakyat)

Ahli-Ahli

En. Mohamad Shukri Salleh
(Franchise Channel (M) Sdn Bhd)
En. Khairuddin Yahya
(Avon Cosmetics (M) Sdn Bhd)
En. Neoh Eng Kee
(Manjit Singh Sachdev, Mohamad Radzi & Partners)
En. Ahmad Faizal Mohamed Noor (Ketua Eksekutif)
En. Mohd Faizal Abd Latip (Sekretariat)
En. Abdullah Abu (Sekretariat)

MAKLUMAT PROGRAM

Program	Malam Anugerah Francais 2018 (MAF2018)
Tarikh	18 September 2018, Selasa
Masa	6.00 petang – 11.00 malam
Tempat	Putrajaya Marriott Hotel, IOI Resort City
Tema	Formal – Hitam&Emas
Bilangan Tetamu	800 orang
Tetamu Kehormat	YAB Tun Dr Mahathir Mohamad <i>Perdana Menteri</i> YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail <i>Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna</i> YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof <i>Menteri Kementerian Pembangunan Usahawan</i>

MAJLIS MAKAN MALAM

Acara Koktel

Majlis beramah mesra bersama tetamu sebelum masuk ke dewan ini diserikan dengan persembahan muzik dan

lagu daripada Busker sambil dihidangkan dengan jamuan koktel. Jamuan koktel ini dimeriahkan dengan penajaan hidangan koktel daripada beberapa syarikat francais iaitu Marrybrown Sdn Bhd, Revenue Valley Sdn Bhd dan Tealive.

Persembahan Hiburan

Para tetamu telah dihiburkan dengan persembahan nyanyian daripada Aishah dan Kumpulan Muzik Nakasutra.

Anugerah Francais & Pertukaran Perjanjian Francais

Sesi penyampaian khas anugerah francaisi Genius Aulad yang melibatkan 4 kategori iaitu Kategori Kecermelangan Operasi dan Hal Ehwal Murid, Kategori Kecermelangan dalam Pengurusan Perniagaan dan Kewangan, Kategori Kecermelangan Dalam Kesejahteraan Tempat Kerja dan Kecermelangan dalam Pematuhan & Penyampaian Pendidikan dan seterusnya merangkul Anugerah Best of The Best (Cemerlang Keseluruhan). Seterusnya Pertukaran Perjanjian Francais bersama Yayasan Raffasya Islamic, Genius Aulad Pekan Baru.

ANUGERAH FRANCAIS MALAYSIA 2018

Jawatankuasa Pemilih

Jawatankuasa Pemilih berperanan untuk menilai keseluruhan sistem dan kriteria penilaian, perjalanan proses penilaian serta skima permarkahan secara keseluruhannya. Jawatankuasa pemilih terdiri daripada wakil agensi atau badan profesional dan butiran lanjut jawatankuasa adalah seperti berikut:

BIL	ORGANISASI	WAKIL
1.	UPM	Prof. Madya Dr. Azmawani Abd Rahman
2.	KPDNHEP	En. Azlan Abd Samad
4.	PNS	En. Md. Nazid Mohd Noor
5.	SSM	Pn. Sharifah Najwa Syed Abu Bakar
6.	MPC	En. Ab Rahim Yusof
8.	MATRADE	Datin Rusiah Mohamed
9.	SMECorp	En. Mohd Faris Othman
10.	SIRIM Berhad	Prof Madya Ir. Dr. Zuhairi Baharuddin
11.	MyIPO	En. Azahar Abd Razab

Insentif Pemenang

Para pemenang Anugerah akan memperolehi insentif seperti senarai di bawah sebagai penghargaan di atas kemenangan mereka. Insentif ini juga diharapkan dapat menarik lebih banyak penyertaan pada Anugerah akan datang.

- Trofi Anugerah
- Sijil Anugerah Francais Malaysia
- Pakej liputan media
- Laporan Penilaian Anugerah Percuma kepada Calon-Calon
- Program Latihan Francais percuma untuk semua pemenang

PENAJAAN

Program Malam Anugerah Francais 2018 ini telah mendapat pelbagai sumbangan penajaan daripada beberapa organisasi dan syarikat di dalam industri francais. Senarai penaja utama MAF2018 adalah seperti berikut:

- Marrybrown Sdn Bhd
- Perbadanan Nasional Berhad
- Genius Aulad International Group Sdn Bhd
- City Coin Laundry Sdn Bhd
- Revenue Valley Sdn Bhd
- Loob Holding Sdn Bhd

Berikut adalah merupakan senarai para pemenang bagi semua kategori yang dipertandingkan untuk Anugerah Francais Malaysia 2018 :



MOHAMAD SHUKRI SALLEH

Setiausaha Agung

24 Mei 2019

**LAPORAN KEWANGAN TERAUDIT
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Juruaudit Bebas Kepada Ahli-Ahli
Laporan Berkanun Jawatankuasa Utama
Akaun Berkanun Bendahari
Lebaran Imbangan
Penyata Pendapatan & Perbelanjaan
Penyata Penerimaan & Pembayaran
Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS
KEPADA AHLI-AHLI PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA

(Ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan 1966)

Laporan ke atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan PERSATUAN FRANCAIS MALAYSIA yang terdiri daripada lembaran imbangian, penyata pendapatan dan perbelanjaan dan penyata penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2018 dan ringkasan asas-asas penyediaan perakaunan serta nota-nota yang dibentangkan.

Tanggungjawab Jawatankuasa Utama kepada Penyata Kewangan

Ahli-ahli Jawatankuasa Utama adalah bertanggungjawab untuk menyediakan penyata kewangan yang saksama menurut peruntukan Akta Pertubuhan 1966, Peraturan-Peraturan yang diperbuat di bawahnya serta piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan dan digunakan di Malaysia. Tanggungjawab ini termasuk membentuk, melaksana dan mengekalkan kawalan dalaman berkaitan penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang saksama dan bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada kerana pemalsuan atau kesilapan, memilih menggunakan polisi kewangan yang berpatutan dan membuat jangkaan perakaunan yang munasabah pada penyata kewangan.

Tanggungjawab Juruaudit

